


e-Panduan

Pengajian Ijazah Sarjana Muda

FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH

Sesi Akademik 2012/2013





UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**PANDUAN PENGAJIAN IJAZAH
SARJANA MUDA**

SESI AKADEMIK 2012/2013

FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

CETAKAN PERTAMA 2012
Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara,
tiada mana-mana bahagian daripada buku ini
boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau
ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga
cara melainkan mendapat izin bertulis
daripada USIM.

Diterbitkan oleh:

Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus

Semua maklumat
yang terkandung di dalam e-Panduan
tertakluk kepada pindaan
dari semasa ke semasa

Moto, Falsafah, Wawasan & Misi
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Falsafah

Paduan antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

Wawasan

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

MISI

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Auan Naib Canselor

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Salam ukhuwah dan salam 1Malaysia buat semua mahasiswa. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah, syabas dan selamat datang kepada semua mahasiswa yang terpilih mengikuti program Sarjana Muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi kemasukan Sesi Akademik 2012/2013. Diharapkan dengan kedatangan saudara-saudari di sini dapatlah kita sama-sama menempa kejayaan dalam mengejar ilmu lantas mengharumkan nama bumi bertuah ini.

Kata-kata Imam al-Ghazali iaitu, "Menuntut ilmu adalah taqwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulang ilmu adalah zikir dan mencari ilmu adalah jihad", menunjukkan penguasaan ilmu sangat

penting dalam kehidupan kita. Ini adalah kerana perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini berkait rapat dengan kemajuan serta perkembangan ilmu pengetahuan yang terdapat pada generasi itu sendiri. Justeru, Islam mengingatkan tentang hakikat ini menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W. Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu semestinya menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu.

Oleh yang demikian, saya menyeru supaya kita semua sama-sama menggunakan kesempatan yang ada ini untuk membina kecemerlangan modal insan, di samping menggilap kegemilangan ilmu tanpa mengenal erti jemu. Paduan antara Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama untuk membentuk generasi al-Abrar yang cemerlang.

Harapan saya agar saudara dan saudari yang terpilih mengikuti program yang ditawarkan di USIM ini dapat mengambil peluang mengejar ilmu penuh di dada demi cita-cita kerana di luar sana masih ramai lagi anak-anak muda seusia yang tidak mendapat peluang keemasan ini. Peluang ini juga merupakan suatu amanah dan kepercayaan ummah yang harus dipikul dan dipelihara. Garaplah ilmu sebanyak mungkin dan amalkannya selagi hayat dikandung badan kerana ilmu tanpa direalisasikan laksana pohon tanpa buah.

Sekian, terima kasih.

BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA

Yang benar,



PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor

Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana dengan izin-Nya kita masih diberikan nikmat kehidupan dan diberi peluang untuk menimba ilmu di menara gading dinamakan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk meningkatkan kemajuan diri kita dan negara kita umumnya. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pelajar yang telah terpilih untuk menjejakkan kaki menyambung pengajian ke USIM dalam bidang pengajian masing-masing.

Sesungguhnya, peluang menyambung pengajian ke menara ilmu ini adalah sesuatu yang wajib dihargai dan disyukuri, peluang yang telah diberikan ini perlulah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memperoleh kecemerlangan sepanjang tempoh pengajian di Universiti ini. Anda merupakan insan yang bertuah berbanding rakan-rakan anda diluar sana yang tidak mendapat peluang seperti ini walaupun mereka memenuhi setiap syarat kemasukan ke Universiti.

Universiti merupakan institusi ilmu yang begitu dihormati, kerana gedung ilmu dihuni oleh para cendekiawan tersohor yang mencurahkan segala ilmu pengetahuan mereka untuk melahirkan bakal-bakal cendekiawan yang akan mewarisi mereka selepas ini. Menjadi tanggungjawab pelajar untuk mendisiplinkan diri supaya sepanjang tempoh pengajian nanti akan digunakan sepenuhnya untuk menimba ilmu pengetahuan. Persaingan di luar sana amat tinggi, sehubungan itu pelajar perlu mempersiapkan diri sebaik mungkin semoga di akhir pengajian nanti, dengan segulung ijazah yang digengam, para pelajar mampu bersaing dengan graduan-graduan dari institusi pengajian tinggi lain. USIM sentiasa komited untuk melahirkan para graduan yang terbilang dengan menyediakan tenaga pengajar berkualiti dan prasarana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Akhir kata, adalah menjadi hasrat Universiti melalui penerbitan e-panduan Kemasukan Sesi Akademik 2012/2013 ini dapat membantu pelajar merancang pengajian akademik mereka dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan.

Selamat Berjaya dan Bertekad Terbilang

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Musa', with a long horizontal flourish extending to the right.

PROF. DR. MUSA AHMAD

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Sains Islam Malaysia

Aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana atas nikmat yang diberikan untuk berpeluang melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Saya mengambil kesempatan ini, mewakili warga USIM untuk mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada semua pelajar kerana berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh lapan (8) buah fakulti yang terdapat di USIM ini.

Pemilihan saudara dan saudari untuk menjadi sebahagian daripada warga USIM adalah sesuatu yang bermakna dalam proses pematapan ilmu pengetahuan dan pembinaan kerjaya selepas tamat pengajian kelak. Universiti sentiasa berusaha untuk memastikan prestasi dan potensi pelajar akan dikembangkan melalui pengajian yang berkualiti dan bermutu disamping penerapan kemahiran insaniah, kepimpinan dan sahsiah yang cemerlang dalam diri setiap pelajar.

Seperti yang kita fahami, pembelajaran adalah satu proses yang berterusan untuk membentuk dan memperkembangkan kognitif, sikap dan kemahiran seseorang individu. Di peringkat prasiswazah ini, sudah tentulah tahap yang perlu dicapai lebih tinggi dari peringkat pengajian sebelum ini. Pelajar perlu lebih berdisiplin dan sentiasa bersedia untuk menggunakan pemikiran kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah dan matang dalam setiap tindakan yang di ambil. Tempoh keberadaan di Universiti perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mentransformasikan diri menjadi insan yang cemerlang. Elakkan diri dari terjebak dalam gejala negatif dan terpengaruh dengan anasir-anasir yang mampu merosakkan pemikiran. Ini akan mensia-siakan peluang pengajian yang diberikan dan lebih serius ibarat memperjudikan masa depan para pelajar itu sendiri.

Akhir kata, saya percaya penerbitan e-panduan Kemasukan Sesi Akademik 2012/2013 ini amat berguna untuk dijadikan panduan kepada pelajar untuk menguruskan pengajian mereka sepanjang menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia ini.

Selamat Berjaya dan Bertekad Terbilang



PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN DOLLAH

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Sains Islam Malaysia

Auan

Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah



*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikumwaramatullahiwabarakatuh Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia*

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada para pelajar yang telah berjaya mendapat tempat dan menjejakkan kaki ke menara gading untuk menyambung pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia. Penubuhan USIM bertujuan untuk melahirkan graduan berminda kelas pertama dan melahirkan graduan yang berketrampilan dan menguasai ilmu moden dan berteraskan pengajian Islam.

Perjalanan mahasiswa terkadang ia begitu mendesak dan merentap kesabaran individu. Segala usaha, daya dan kudrat harus dipaksikan atau difokuskan kepada pembelajaran. Tidak wujud istilah jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Ibarat seperti kata pepatah melayu, yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang. Liku-liku kehidupan sebagai mahasiswa/mahasiswai adalah sangat mencabar.

Misi USIM yang mahu merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia bukan sekadar mahu melahirkan graduan yang cemerlang di dalam akademik sahaja. USIM mahu melahirkan graduan yang bersepadu iaitu mereka yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan mempunyai personaliti unggul, berketrampilan, mempunyai akar umbi serta jatidiri bangsa malaysia yang mantap, berdisiplin, menjadi contoh dan 'role' model kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Adalah diharapkan agar semua pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan dalam program yang dipilih seiring dengan motto dan falsafah Universiti dalam melahirkan generasi yang mempraktikkan paduan antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Saya amat berharap agar para pelajar dapat memanfaatkan *ePanduan* ini sebagai panduan dalam proses pembelajaran yang dilalui di Universiti. Ianya merupakan panduan yang komprehensif dan menyeluruh yang menyentuh berkenaan dasar-dasar Universiti, kurikulum dan peraturan-peraturan pengajian bagi Program Ijazah Sarjana Muda. Akhirkata, saya dan seluruh warga Universiti mengalu-alukan kedatangan para pelajar baru dan mengharapkan agar setiap pelajar menggunakan peluang yang ada bagi mengukir kejayaan sebagai seorang insan yang cemerlang.

Akhir kata **SELAMAT MAJU JAYA.**

BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA

HAMMAD FARHI MOHD SAUDI
KETUA
BAHAGIAN PENGAJIAN PRASISWAZAH

Aluan Dekan

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabakaratu dan Salam Hormat



Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat keizinanNya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah berjaya menyusuri liku-liku pahit getir, suka duka dalam penubuhan Fakulti sebagai salah sebuah daripada tiga fakulti terawal (*pioneer*) yang kini telah menjangkau usia 12 tahun.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada saudara dan saudari kerana telah berjaya untuk mengikuti program pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan saya percaya bahawa saudara dan saudari adalah di antara pelajar

cemerlang dan terbaik yang telah terpilih untuk mengikuti salah satu daripada 4 program yang ditawarkan di fakulti ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) USIM di Darul Quran, JAKIM.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah amat komited untuk terus memartabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan Negara. Kerana itulah Program Pengajian Quran dan Sunnah di USIM menjadi satu program teras dan utama di fakulti ini dan ini amatlah berbeza dengan Universiti Awam lain yang turut menawarkan program yang sama. Dengan kesedaran inilah pihak Fakulti terus berusaha untuk menawarkan program yang bersifat inovatif dan kompetitif agar dapat mengintegrasikan antara pengajian Quran dan Sunnah yang berbentuk klasikal dengan bidang-bidang yang bersifat guna selaras dengan hasrat dan keperluan Negara agar para graduan dan ilmuan yang dihasilkan dapat bersaing di pasaran semasa.

Saya amatlah berharap agar saudara dan saudari dapat menuntut ilmu dunia dan akhirat ini dengan sepuh hati dan pergunakanlah segala ilmu yang telah dipelajari di USIM ini dengan sebaik-baiknya agar menjadi insan kamil yang mampu memenuhi ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama yang mampu memimpin ummah di pentas antarabangsa dan dalam masa yang sama dapat mempraktikkan ilmu di dada dalam menempuh arus globalisasi masa kini. Saya berdoa agar segala usaha pihak Fakulti dan juga saudara dan saudari ini diberkati Allah hendakNya.

Sekian. Wassalam.

PROF. MADYA DR. ADNAN MOHAMED YUSOFF

Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

PENGENALAN

Latar Belakang dan Sejarah

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ia merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dan merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12 di Negara ini.

Tujuan penubuhan USIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara dan menekankan penggunaan ICT dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. USIM menumpukan penguasaan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Melayu.

USIM beroperasi di Kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Sementara itu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian masih beroperasi di Kampus Cawangan Pandan Indah, Kuala Lumpur. Hospital yang digunakan untuk tujuan pembelajaran adalah Hospital Ampang, Hospital Temerloh, Hospital Tampin dan Hospital Kuala Klawang.

Kampus USIM di Nilai terletak kira 10 minit daripada KLIA dan 20-30 minit ke Putrajaya dan Kuala Lumpur.

USIM kini mempunyai lapan (8) buah fakulti sebagaimana berikut:

- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Tujuan

USIM merupakan saluran pertama dan utama bagi lepasan aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama sama ada milik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pengajian di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. USIM ditubuhkan dengan matlamat, antaranya:

- ~ Melahirkan ilmuan Islam berpendidikan sepadu di antara teori dan amali, bersifat ensiklopedik dan mampu memimpin masyarakat yang majmuk

sifatnya serta mempunyai potensi diri yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

- ~ Mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul dan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi melahirkan ulama dan intelektual muslim yang mampu memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- ~ Muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan kerjasama ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan keislaman.

Objektif

- ~ Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- ~ Membina kesepaduan di antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- ~ Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
- ~ Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- ~ Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Prospek Masa Hadapan

USIM akan menjadi sebuah universiti yang terkehadapan dalam pendidikan dan keilmuan Islam serta penggunaan ICT dalam bidang kajian dan penyelidikannya. Misinya akan menjadi kenyataan kerana bersesuaian dengan persekitaran pembinaan kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Pada Sesi Akademik 2012/2013, USIM akan menawarkan dua puluh lima (25) program pengajian peringkat sarjana muda sebagaimana berikut:

1. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian kerjasama USIM dengan Darul Quran, JAKIM

2. Fakulti Syariah dan Undang-undang

- Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Keujian
- Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Keujian

3. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

- Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Keujian
- Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian
- Sarjana Muda Komunikasi dengan Keujian
- Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Keujian

4. Fakulti Ekonomi dan Muamalat

- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keujian
- Sarjana Muda Perakaunan dengan Keujian
- Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Keujian
- Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Keujian

5. Fakulti Sains dan Teknologi

- Sarjana Muda Sains dengan Keujian (Bioteknologi Makanan)
- Sarjana Muda Sains dengan Keujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
- Sarjana Muda Sains Komputer dengan Keujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
- Sarjana Muda Sains dengan Keujian (Matematik Kewangan)
- Sarjana Muda Sains dengan Keujian (Teknologi Kimia Industri)
- Sarjana Muda Sains dengan Keujian (Fizik Gunaan)
- Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Keujian

6. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

- Sarjana Muda Perubatan dan Bedah

7. Fakulti Pergigian

- Sarjana Muda Pembedahan Pergigian

8. Fakultas Pengajian Bahasa dan Utama

- Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Keujian
- Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Keujian

**PENTADBIRAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

CANSELOR

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Binti
Almarhum Tengku Besar Mahmud
D.K(N.S), (D.P.T.J.)

**AHLI LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Pengerusi

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin
PSM, DIMP, JSM, DSNS, al-Aliya, MA, PhD (al-Azhar), Dip. Pend. (Ain Shams)

Ahli-Ahli

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
*DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio), CertABMP (Manila), MBA (Cincinnati), PhD
(Manchester)*

YBhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri
DSSA, BKM, AMN, PJK, B.Ec Hons, Chartered Acc. (M), CA (Canada), (FTII), CPA

YBhg. Datuk Hj. Omar Abd. Rahman
PMW, AMN, B.A (Hons.) (UM), M.A (Ir) (Denver)

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
DPMP, JSM, PPT, BA (Hons.) MA (Monash), PhD (Manchester)

YB Dato' Ishak Sahari
SMP, DPTJ, LLB (Hons.) (UM)

YBhg. Datuk Mohamed Azahari Mohamed Kamil
DMSM, PKT, BBA (Western Michigan), MBA (Central Michigan)

YBhg. En. Mohd Zuhri Abdullah
DSM, B.Sc (Hons.) (Surrey)

YBhg. En. Mustafar Taib
M.Econs (Hartford) USA, B.Econs (Hons.) UM, DPA (INTAN)

Setiausaha

YBhg. Muhammad Haizuan Rozali
ANS, SmSa, SSa (UKMalaysia)

**PENGURUSAN TERTINGGI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Naib Canselor

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
*DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio), CertABMP (Manila), MBA (Cincinnati), PhD
(Manchester)*

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Musa Ahmad
*BSc, First Class – UKM, Bangi (Chemistry)
MSc – UMIST, Manchester, England (Instrumentation and Analytical Sciences),
PhD – UMIST, Manchester, England (Optical Fibre Chemical Sensor)*

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
DIMP, SAP, SmPI Kep (UK Malaysia), MLitt (Glasgow), PhD (Birmingham)

Dekan Penyelidikan dan Inovasi

YBhg. Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah
DIA (PUO), BAccHons (UKMalaysia), MAccy (Wollongong), PhD (UUM)

Pendaftar

YBhg. En. Muhammad Haizuan Rozali
ANS, SmSa, SSa (UKMalaysia)

Pemangku Bendahari

YBhg. En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi
BAcct (Hons) UUM

Ketua Pustakawan

YBhg. En. Jasmin Jaimon
BScHons (UKM), PostGradDipLibSc (UiTM), DipSysAnalysis (UiTM)

Pengarah Pembangunan

YBhg. Ir. Daim Saian
BEng (Malaya), MIEM, PEng

SENAT
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Naib Canselor

Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
*DIMP, DNS, DIB (UiTM), BBA (Ohio), CertABMP (Manila), MBA (Cincinnati),
Ph.D (Manchester)*

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Musa Ahmad
B.Sc Hons (UKMalaysia), M.Sc (Manchester), Ph.D (Manchester)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
DIMP, SAP, SmPI Kep (UKMalaysia), MLitt (Glasgow), Ph.D (Birmingham)

Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah
DIA (PUO), BAccHons (UKMalaysia), MAccy (Wollongong), PhD (UUM)

Pendaftar

En. Muhammad Haizuan Rozali
KMN, ANS, SmSa, SSa, (UKMalaysia)

Ketua Pustakawan

En. Jasmin Jaimon
B.Sc Hons (UKMalaysia), Post Grad. Dip. Lib. Sc. (UiTM), Dip. Sys. Analysis (UiTM)

Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

Ir Daim Saian
B.Eng (Malaya), MIEM, P.Eng

Pemangku Bendahari

En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi
B.Acct (Hons) UUM

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
BAHons in Dakwah, PhD Edinburgh University

Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
al-'Aliya (Jordan), M.A (al-Bayt), (Jordan), Ph.D (UKMalaysia)

Pemangku Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Dr. Yasmin Hanani Mohd. Safian
Al-'Aliya (al-Azhar), M.A (Birmingham), PhD (Exeter UK)

Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Dr. Asmaddy Haris
BEC (Hons.) (UUM), Mec (UUM), Ph.D (UKM)

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Bachok M. Taib
BScHons (UKMalaysia), MSc (Reading), PhD (Wollongong)

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
DSNS, MBBCh (Alexandria), MRCOG (London), FRCOG (London), FICS (USA)

Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Noor Azizi Ismail
B.A Hons (al-Azhar University), Dip. Pendidikan (UIAM), MMLS, Ph.D Arabic Language (UM)

Dekan Fakulti Pergigian

Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman
DPPJ, JMN, KMN, AMP, DDS (USU), MHPEd (New South Wales), DPH (Dent) (Sydney), Dip.D.H (Dublin), Cert.H.R (Manchester), FICD, FICCDE

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias
DPNS, JSM, KMN, ANS, BEconHons, MEcon (Monash), PhD (Southampton)

Profesor , Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
PJN, B.A. Hons (Malaya), Dip. Ed. (Malaya) B.A. Hons (Malaya), Dip. Ed. (Malaya) M.A (Counselling and Personnel Services) USA, SPADA (USA), Ph.D (Counselling Psychology) (Wales Cardiff, UK)

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman
Bachelor Kejuruteraan, (UTM), Master Telematics (UK), Ph.D (Broadband Communication)

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Abdul Jalil Abdul Kader
Bachelor, (DVM) Lyallpur, Ph.D, (Mikrobiologi) U.K

Profesor, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan
Bachelor, Biokimia (UK), Ph.D, Biokimia (New Zealand)

Profesor, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah
*Bachelor Perubatan (UM),
Master, Public Health, Western Michigan University*

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
*Bachelor Komputer (UK), Master, Advance Soft Engineering (UK)
Ph.D (Sains Komputer) UK*

Pengarah Pusat Teknologi Maklumat

En. Idris Takyen
*B.Sc Hons. (Computer Sciences), UKMalaysia
Cert in DP Manager, JICA Japan*

Pengarah Institut Kefahaman Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif
Bachelor, Hadith (UIAM), Master Hadith (UIAM), Ph.D Hadith (UK)

Pengarah Pusat Pengajian Teras

Prof. Madya Paimah Atoma
*BA Hons Universiti Malaya (Pengajian Melayu), M.Phil University of Leicester, U.K
(Sociology)*

Pengarah Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah
BScHons (UKMalaysia), MSc, PhD (USM)

Pengarah Pusat Tamhidi

Dr. Nurlida Basir
*Diploma, Sains Komputer (UTM), Bachelor, Kejuruteraan Komputer & Maklumat (UTM)
Master, Kejuruteraan Perisian Masa Nyata (UTM), Ph.D, Sains Komputer (UK)*

Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Dr. Hishomudin Ahmad
*Dip. In Translation (PPM-DBP Malaysia), B.A (Hons) The Hashemite University, Jordan,
M.A (IIUM), Ph.D (IIUM)*

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa (BKKPA)

Pn. Suhaili Ab. Jalil
Bachelor, Education (TESOL) UK, M.A Education (TESL) UM

Urus Setia

Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah

En. Hammad Farhi Mohd Saudi
BA (Hons), IIUM, MSc (London)

Pentadbiran Fakulti FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

Dekan

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff

B.A (Hons) University of Jordan, M.A. (Al al-Bayt, Jordan) Ph.D (UKM)

Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan

En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar

B.A (Hons) al-Azhar, S.P.I (UKM)

Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi

Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin

B.A (Hons) al-Azhar, MA FPI (UKM), Ph.D. Quran dan Hadith API (UM)

Ketua Program Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian

En. Abdul Muhaimin Ahmad

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A (University of Jordan)

Ketua Program Pengajian Quran Dengan Multimedia Dengan Kepujian

En. Mohd Zaini Bin Zakaria

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A. (UM)

Ketua Program Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat Dengan Kepujian

En. Mohd Yusuf Bin Ismail

B.A. (Hons) , M.A. IRKH (UIAM)

Penyelaras Projek Ilmiah Peringkat Fakulti

Cik Nurhasnira Ibrahim

B.A (Hons) Usuluddin (UM), Dip. Pend. (IPYHO), M.A Hadith (UM)

Web Master

Dr. A.Irwan Santeri Bin Doll Kawaid

B.A. Darul Uloom, (Lucknow), M.A., Ph.D IRKH (UIAM)

KAKITANGAN AKADEMIK

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Adel M. Abdulaziz

B.A. (Sebha, Libya), al-'Aliya (al-Fateh, Libya), S.P.I, Ph.D (UK Malaysia)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Najm Abd Rahman Khalaf

B.A (Hons) al-Azhar. M.A, PhD (Tunisia)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff

B.A (Hons) University of Jordan, M.A. (Al al-Bayt, Jordan) Ph.D (UKM)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin

B.A (Hons) al-Azhar, SPI (UKM), Ph.D.(UM)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM), Ph.D. (Edinburgh)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Mustafa Khlaif Mohammad Abu Zaid

B.A (Hons) Madinah, M.A (King Abd ALaziz) Mekah, Ph.D (Baghdad University)

Pensyarah Kanan

En. Ahmad Kamel Mohamed

B.A (Hons) al-Azhar, S.P.I (UKM)

Pensyarah Kanan

En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar

B.A (Hons) al-Azhar, S.P.I (UKM)

Pensyarah Kanan

En. Khairul Anuar Mohamad

B.A (Hons) Madinah, S.P.I (UKM)

Pensyarah Kanan

Dr. Abdoul Karim Toure

B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM), Ph.D (UKM)

Pensyarah Kanan

Dr. Abdul Rahman Obeid Hussein

B.A (Hons) Ummu Durman, M.A., Ph.D IRKH (UIAM)

Pensyarah Kanan

Pn. Norzulaili Binti Mohd Ghazali
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, S.P.I. (UKM)

Pensyarah Kanan

Dr. Hj. Abdul Qadir Bin Umar Usman Al-Hamidy
B.A (Hons) Ummu Durman, M.A. IRKH, Ph.D (UIAM) Indonesia&al-Azhar

Pensyarah Kanan

Dr. Saif Addawla Muhammad Nayir Idris
B.A, M.A., Ph.D (Univ. Of Khortoum, Sudan)

Pensyarah Kanan

Dr. Syed Mohammad Chaedar Syed Abdurrahman al Yahya
B.A (Hons), M.A, Ph.D (al-Azhar)

Pensyarah Kanan

Dr. Khairul Nizam Zainan Nazri
B.A. (Hons), M.A IRKH (UIAM), Ph.D (UM)

Pensyarah Kanan

Pn. Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat - (*cuti belajar*)
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah Kanan

En. Nidzamuddin Zakaria - (*cuti belajar*)
B.A (Hons) Madinah, M.A. (UM)

Pensyarah Kanan

En. Mohd Zohdi Mohd Amin
B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, S.P.I (UKM)

Pensyarah Kanan

Dr. Irshadul Haq Abdullah
B.A. (UIAM),S.P.I (UKM), Ph.D (UIAM)

Pensyarah Kanan

Dr. Shumsudin Yabi
B.A (Hons) Madinah, M.A (UKM), Ph.D (USM)

Pensyarah Kanan

En.Syed Najihuddin Syed Hassan - (*cuti belajar*)
B.A (Hons) Madinah, MSc (IT) (UUM)

Pensyarah Kanan

En.Norakyairee Mohd Raus - (*cuti belajar*)
B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah kanan

En. Zulhilmi Mohamed Nor - (*cuti belajar*)

B.A (Hons.) Madinah, M.A (UM)

Pensyarah Kanan

En. Ahmad Sanusi Bin Azmi - (*cuti belajar*)

B.A (Hons) al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah Kanan

Dr. A.Irwan Santeri Doll Kawaid

B.A. Darul Uloom, (Lucknow), M.A., Ph.D IRKH (UIAM)

Pensyarah

Dr. Abdalla Mohamad Ahmad al-Husban

B.A (Hons) Al al-Bayt, Jordan, M.A (Al al-Bayt, Jordan), Ph.D (UKM)

Pensyarah

Cik Kauthar Abdul Kadir

B.A. (Quran & Sunnah), M.A. IRK (UIAM)

Pensyarah

En. Mohd Nur Adzam Bin Rasdi

B.A (Hons) Ibn Tofail, Morocco, M.A. (Univ. Mohammed V, Morocco)

Pensyarah

En. Zamrie Bin Ibrahim @ Musa

B.A (Hons) Khartoum, Sudan, M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

Pn. Noor Najihan Binti Jaafar

B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

En. Amiruddin Bin Mohd Sobali

B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

En. Mohd Zaini Bin Zakaria

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A. (UM)

Pensyarah

En. Abdul Muhaimin Ahmad

S.M.P.Q.S. (Hons) (KUIM), M.A (Univ. of Jordan)

Pensyarah

En. Muhammad Hafiz Saleh

B.A (Hons.) (Madinah) M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

En. Mohd Yusuf Bin Ismail
B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

En. Norazman Bin Alias
Dip. Tahfiz dan Qiraat (MADIWA, Perak), B.A. (Hons) Shubro, al-Azhar, M.A. IRKH (UIAM)

Pensyarah

Cik Norullisza Khosim
B.A (Hons) IRKH (UIAM), M.A Syariah (Usuluddin) Al al-Bayt, Jordan

Pensyarah

Cik Nurhasnira Ibrahim
Dip. Pend. (IPYHO), M.A Hadith (UM), B.A (Hons) Usuluddin (UM)

Tutor

En. Walid Bin Mohd. Said
Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), B.A (Hons) (Madinah)

Tutor

En. Muhammad Arif Bin Musa
B.A (Hons) Madinah

Tutor

En. Anuar Bin Hasin - (*cuti belajar*)
B.A. (Hons) (UM)

Tutor

En. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman- (*cuti belajar*)
Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), S.M.P.Q.S. (Hons) (USIM)

Tutor

Pn. Noor Azma Binti Mohamad Khassim- (*cuti belajar*)
B.A (Hons) UM, M.A. IRKH (UIAM)

Tutor

En. Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad- (*cuti belajar*)
Dip. Tahfiz dan Qiraat (Darul Quran), B.A. (Hons) (Madinah)

Tutor

En. Ahmad Kamil Bin Jamilin- (*cuti belajar*)
Dip. Tahfiz (Darul Quran), B.A. (Madinah)

Tutor

En. Mahyuddin Hashim - (*cuti belajar*)
BA (Hons) al-Azhar , M.A (Cairo)

Tutor

Pn. Nurul Asiah Fasehah Binti Muhamad - (*cuti belajar*)
B.A. (Hons), M.A. IRKH (UIAM)

Tutor

Pn. Nur Saadah Binti Hamisan @ Khair
B.A. (Hons) , M.A. IRKH (UIAM)

KAKITANGAN PENTADBIRAN**Penolong Pendaftar Kanan (Akademik)**

Pn. Mazura Mohd Noor

Penolong Pendaftar (Pentadbiran)

Pn. Siti Maizatul Akmar Ismail

Setiausaha Pejabat

Pn. Faiza Azian Che Ani

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

Pn. Emma Azwin Abdul Murad

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

Pn. Azmawani Binti Che Ali

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

En. Mohamad Amirul Othman

Juruteknik Komputer

En. Ismail Abdullah

Pembantu Am Pejabat

En. Mohamed Iskandar Mohd Ismail



**TAKWIM AKADEMIK SARJANA MUDA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
SESI AKADEMIK 2012/2013**

AKTIVITI	SEMESTER I	
	* TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Universiti Pelajar Baru	1 September 2012	1 hari
Pendaftaran Kursus Pelajar Baru	2 September 2012	1 hari
Minggu Ta'aruf Pelajar Baru	3 – 9 September 2012	1 minggu
Pendaftaran Kursus Pelajar Senior (secara <i>online</i>)	6 – 9 September 2012	4 hari
Program Sokongan Bahasa I	6 – 9 September 2012	4 hari
Perkuliahan	10 September – 25 Oktober 2012	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester I	26 Oktober – 4 November 2012	1 minggu
<i>Perkuliahan</i>	5 November – 23 Disember 2012	7 minggu
<i>Cuti Ulangkaji</i>	24 Disember 2012 – 1 Januari 2013	1 minggu
Peperiksaan	2 – 20 Januari 2013	3 minggu
Cuti Semester I	21 Januari – 17 Februari 2013	4 minggu
Program Sokongan Bahasa II	21 Januari – 2 Februari 2013	2 minggu

AKTIVITI	SEMESTER II	
	* TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Kursus (secara <i>online</i>)	14 – 17 Februari 2013	4 hari
Perkuliahan	18 Februari – 7 April 2013	7 minggu
<i>Cuti Pertengahan Semester II</i>	8 – 14 April 2013	1 minggu
Perkuliahan	15 April – 2 Jun 2013	7 minggu
<i>Cuti Ulangkaji</i>	3 – 9 Jun 2013	1 minggu
Peperiksaan	10 – 30 Jun 2013	3 minggu
<i>Cuti Semester II</i>	1 Julai – 1 September 2013	9 minggu
Program Sokongan Bahasa III	1 – 12 Julai 2013	2 minggu

* *Tertakluk kepada pindaan*

* *Septimana yang telah diluluskan oleh Senat Universiti Khas Bil. 1/2012 pada 15 Februari 2012*

SENARAI HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN, NEGERI SEMBILAN DAN SELANGOR

HARI KELEPASAN AM	* TAHUN	
	2012	2013
Tahun Baru	1 Januari (Ahad)	1 Januari (Selasa)
Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (Kampus Nilai sahaja)	14 Januari (Sabtu)	14 Januari (Isnin)
Tahun Baru Cina	23 dan 24 Januari (Isnin dan Selasa)	10 dan 11 Februari (Ahad dan Isnin)
Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.	5 Februari (Ahad)	24 Januari (Khamis)
Hari Thaipusam	7 Februari (Selasa)	27 Januari (Ahad)
Hari Pekerja	1 Mei (Selasa)	1 Mei (Rabu)
Hari Wesak	5 Mei (Sabtu)	25 Mei (Sabtu)
Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	2 Jun (Sabtu)	1 Jun (Sabtu)
Israk dan Mikraj (Kampus Nilai Sahaja)	17 Jun (Ahad)	6 Jun (Khamis)
Hari Nuzul al-Quran (Kampus Pandan Indah sahaja)	6 Ogos (Isnin)	26 Julai (Jumaat)
Hari Raya Puasa	19 dan 20 Ogos (Ahad dan Isnin)	8 dan 9 Ogos (Khamis dan Jumaat)
Hari Kebangsaan	31 Ogos (Jumaat)	31 Ogos (Sabtu)
Hari Malaysia	16 September (Ahad)	16 September (Isnin)
Hari Raya Qurban	26 Oktober (Jumaat)	15 Oktober (Selasa)
Hari Deepavali	13 November (Selasa)	3 November (Ahad)
Awal Muharram	15 November (Khamis)	5 November (Selasa)
Hari Keputeraan Sultan Selangor (Kampus Pandan Indah sahaja)	11 Disember (Selasa)	11 Disember (Rabu)
Hari Krismas	25 Disember (Selasa)	25 Disember (Rabu)

* *Tertakluk kepada pindaan*

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA, 2011)**

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Pengajian Prasiswazah
Universiti Sains Islam Malaysia**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA 2011)**

MUKADIMAH

Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Pertama 2011)

Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Pertama 2011) ini dikeluarkan setelah semakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Peraturan-peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007. Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai selaras dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

Peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (2011) telah diluluskan oleh Senat Universiti Kali Ke-64 pada 3 Ogos 2011 dan berkuat kuasa bermula Semester Akademik 2011/2012.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut untuk membolehkan Universiti memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan peraturan-peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini iaitu:
 - i. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum program pengajian yang diikuti di Universiti.
 - ii. Membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - iii. Membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - iv. Membayar yuran Universiti mengikut masa dan jumlah yang ditetapkan.
 - v. Menghadiri kuliah / tutorial / makmal / studio / Latihan Industri / Latihan Amali / Praktikum / Latihan Mengajar / klinikal / program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain yang ditetapkan oleh Universiti/Fakulti.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada pihak pengurusan Fakulti dan staf pentadbiran sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk permasalahan.

4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan atau kealpaan terhadap peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

KANDUNGAN

Mukadimah

Tanggungjawab Pelajar

BAHAGIAN A : PENTAKRIFAN

1. NAMA, MULA BERKUATKUASA, PEMAKAIAN DAN TAFSIRAN

BAHAGIAN B : KEMASUKAN PELAJAR

2. SYARAT KEMASUKAN (WARGANEGARA)
3. SYARAT KEMASUKAN (BUKAN WARGANEGARA)
4. PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN UNIVERSITI
5. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN
6. PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI

BAHAGIAN C : PENDAFTARAN KURSUS DAN PENJADUALAN

7. PENDAFTARAN KURSUS
8. PENJADUALAN KURSUS
9. PENGULANGAN KURSUS
10. PENGECUALIAN KURSUS/PEMINDAHAN JAM KREDIT
11. TEMPOH PENGAJIAN
12. PENANGGUHAN PENGAJIAN
13. PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI (*INDEPENDENT STUDIES*)
14. PENGGANTUNGAN PENGAJIAN PELAJAR

BAHAGIAN D : PEPERIKSAAN

15. STRUKTUR PENILAIAN
16. SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED
17. KEHADIRAN PELAJAR
18. TARIKH PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER
19. JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER
20. KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
21. PENANGGUHAN PEPERIKSAAN
22. PEPERIKSAAN GANTIAN
23. PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS
24. PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN
25. RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS
26. RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN
27. SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

BAHAGIAN E : PENGIJAZAHAN

28. STRUKTUR PENGIJAZAHAN
29. PENGURNIAAN AKADEMIK
30. SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP AKADEMIK RASMI DAN SKROL
31. UMUM

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

APPENDIKS

1. KEPERLUAN KHAS PROGRAM
 - SYARAT KHAS STPM
 - SYARAT KHAS STAM
 - SYARAT KHAS TAMHIDI/MATRIKULASI
 - SYARAT KHAS DIPLOMA/SETARAF

BAHAGIAN A: PENTAKRIFAN

1 Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (2011) dan hendaklah mula berkuat kuasa pada Semester Akademik 2011/2012.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuat kuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua program yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
 - 1.4.1 "Senat" ertinya badan akademik USIM yang mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma sijil dan kepujian akademik yang lain dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia (siaran 31 Disember 2012) (P.U.(A) 454) dan lain-lain;
 - 1.4.2 "Dekan" termasuklah Dekan Fakulti/Ketua PTJ Akademik yang mengetuai sesebuah Fakulti/Sekolah/Pusat/Akademi/Institut;
 - 1.4.3 "Ketua BPPS" ertinya Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah;
 - 1.4.4 "Fakulti" termasuklah Sekolah/Pusat/Akademi/Institut yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
 - 1.4.5 "BPPS" ertinya Bahagian Pengajian Prasiswazah;
 - 1.4.6 "PTJ" ertinya Pusat Tanggungjawab;
 - 1.4.7 "Staf pentadbiran" termasuklah para pegawai Fakulti / Pusat / Bahagian / Unit yang menguruskan hal ehwal pentadbiran akademik;
 - 1.4.8 "MUET" ertinya *Malaysian University English Test*;
 - 1.4.9 "NGMP" ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
 - 1.4.10 "PNG" ertinya Purata Nilai Gred;
 - 1.4.11 "PNGK" ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;

- 1.4.12 “PNGS” ertinya Purata Nilai Gred Semester;
- 1.4.13 “Penggantungan pendaftaran” ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;
- 1.4.14 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti/Pusat Kesihatan Universiti;
- 1.4.15 “Pakar perubatan” ertinya pegawai perubatan yang bertauliah dengan kepakaran yang diiktiraf;
- 1.4.16 “Penangguhan pengajian” ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;
- 1.4.17 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;
- 1.4.18 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan;
- 1.4.19 “SPM” ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
- 1.4.20 “STAM” ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;
- 1.4.21 “STPM” ertinya Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia;
- 1.4.22 “Program Pengajian” ertinya program akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- 1.4.23 “Semester” ertinya sesi pengajian yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi;
- 1.4.24 “Kursus” ertinya mata pelajaran atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam struktur penawaran bagi sesuatu program pengajian;
- 1.4.25 “Latihan Industri/Latihan Amali/Praktikum/Latihan Mengajar/klinikal/ program sangkutan” ertinya aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam suasana sebenar alam pekerjaan;

- 1.4.26 “Kokurikulum” ertinya kursus Universiti yang dijalankan untuk memupuk Kemahiran Insaniah pelajar seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- 1.4.27 “Pembelajaran Kendiri (Independent Studies)” ertinya kaedah pembelajaran di mana seseorang pelajar mengikuti sesuatu kursus secara persendirian dengan seseorang tenaga pengajar berdasarkan kesesuaian waktu tenaga pengajar dan pelajar berkenaan;
- 1.4.28 “Penilaian” ertinya pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian lisan/bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, projek, Latihan Industri/Latihan Amali/Praktikum/Latihan Mengajar/ klinikal/program sangkutan;
- 1.4.29 “Peperiksaan Akhir Semester” ertinya penilaian bertulis bagi sesuatu kursus yang dijalankan pada penghujung setiap semester;
- 1.4.30 “Peperiksaan Profesional” ertinya penilaian bertulis/klinikal pada akhir sesi akademik;
- 1.4.31 “e-Nilai” ertinya Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara *online*;
- 1.4.32 “e-Hadir” ertinya Sistem Kehadiran Pelajar;
- 1.4.33 “e-Wadi” ertinya portal perkhidmatan secara web yang disediakan untuk capaian staf dan pelajar;

BAHAGIAN B: KEMASUKAN PELAJAR

2 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (WARGANEGARA)

2.1 Syarat kemasukan bagi lepasan Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.1.2 Lulus Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00;
- 2.1.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.1.4 Memenuhi [keperluan khas program](#) yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.2 Syarat kemasukan bagi lepasan STPM adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;
- 2.2.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.2.4 Memenuhi [keperluan khas program](#) yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.3 Syarat kemasukan bagi lepasan STAM adalah seperti berikut:

- 2.3.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.3.2 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;
- 2.3.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.3.4 Memenuhi [keperluan khas program](#) yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.4 Syarat kemasukan bagi lepasan Diploma/setaraf adalah seperti berikut:

- 2.4.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.4.2 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;
- 2.4.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.4.4 Memenuhi **keperluan khas program** yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

3 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (BUKAN WARGANEGARA)

3.1 Syarat kemasukan bagi lepasan STPM / STAM / GCE 'A' Level dan setaraf adalah seperti berikut :

- 3.1.1 Lulus SPM / GCE 'O'Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.1.2 Memperoleh Kredit dalam sekurang-kurangnya satu (1) subjek yang berkaitan dengan program yang dipohon (tertakluk kepada syarat khas program yang dipohon); dan
- 3.1.3 Memperoleh Kredit dalam dua (2) matapelajaran berkaitan Pendidikan Islam; dan
- 3.1.4 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi / setaraf; dan
- 3.1.5 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Inggeris; dan
- 3.1.6 Memiliki STPM / STAM/ GCE 'A' Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.1.7 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 atau setaraf; atau
- 3.1.8 Mendapat tahap Jayyid dan ke atas atau setaraf; dan
- 3.1.9 Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 3 dan ke atas; atau IELTS Band 4 dan ke atas atau mendapat skor 45 (PBT)/skor 133 (CBT)/skor 450 (PBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana-mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan

3.1.10 Menunjukkan penyata kewangan yang baik / penyata biasiswa kepada USIM.

3.2 Syarat kemasukan bagi lepasan Matrikulasi/ Diploma dan setaraf adalah seperti berikut :

3.2.1 Lulus SPM/ GCE'O' Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan

3.2.2 Memperoleh Kredit dalam sekurang-kurangnya satu (1) subjek yang berkaitan dengan program yang dipohon (tertakluk kepada syarat khas program yang dipohon); dan

3.2.3 Memperoleh Kredit dalam dua (2) matapelajaran berkaitan Pendidikan Islam; dan

3.2.4 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Arab / Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi; dan

3.2.5 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Inggeris; dan

3.2.6 Memiliki Sijil Matrikulasi / Diploma atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan

3.2.7 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan ke atas bagi lulusan Diploma; atau

3.2.8 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan ke atas bagi lulusan Matrikulasi; dan

3.2.9 Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 3 dan ke atas; atau IELTS Band 4 dan ke atas atau mendapat skor 45 (PBT)/skor 133 (CBT)/skor 450 (PBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana- mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan

3.2.10 Menunjukkan penyata kewangan yang baik / penyata biasiswa kepada USIM.

4 PENGANTUNGAN PENDAFTARAN UNIVERSITI

4.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantung pendaftaran selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua BPPS untuk kelulusan dan disalinkan kepada Dekan. Walau

bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan pada setiap semester.

- 4.2 Tempoh penggantungan pendaftaran Universiti tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 4.3 Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

5 PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- 5.1 Setiap permohonan pertukaran program pengajian dikenakan sejumlah bayaran dan hendaklah dibayar di Jabatan Bendahari.
- 5.2 Setiap permohonan hendaklah diterima sebelum tamat minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan oleh Dekan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester tersebut.
- 5.3 Setiap permohonan yang diterima selepas minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan oleh Dekan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester berikutnya.
- 5.4 Panduan Permohonan Pertukaran Program Pengajian Sarjana Muda adalah sebagaimana yang terkandung dalam e-Panduan Fakulti.

6 PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI

- 6.1 Pelajar perlu mengemukakan permohonan tarik diri dari Universiti secara bertulis dengan menyatakan alasan kepada Ketua BPPS dengan pengesahan Dekan.
- 6.2 Bahagian Pengajian Prasiswazah akan mengubah status pelajar kepada Tarik Diri dalam modul capaian kemasukan sistem al-'Aaliyah. Tarikh kuat kuasa penarikan diri pelajar adalah berdasarkan tarikh surat permohonan pelajar.
- 6.3 Bahagian Pengajian Prasiswazah akan mengeluarkan surat pengesahan tarik diri dari Universiti dengan mengambil kira beberapa perkara berkenaan bayaran yuran pengajian pelajar. Bayaran-bayaran yang telah pelajar jelaskan kepada USIM tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:

- 6.3.1 Jika pelajar menarik diri sebelum berakhir minggu kedua semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
- 6.3.2 Jika pelajar menarik diri di antara minggu ketiga hingga minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
- 6.3.3 Jika pelajar menarik diri selepas berakhirnya minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), tiada sebarang pemulangan yuran pengajian akan dibuat.

BAHAGIAN C: PENDAFTARAN KURSUS DAN PENJADUALAN

7 PENDAFTARAN KURSUS

- 7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan perlu dibuat sekiranya mendaftar selepas tempoh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.
- 7.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester adalah tertakluk kepada jumlah maksimum dan minimum sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.
- 7.3 Pelajar boleh melakukan pertambahan kursus dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 7.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 7.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada

minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai “TD” (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 14.5.5.

- 7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah/tesis mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred “TL” (Tidak Lengkap) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred “TL” (Tidak Lengkap) tersebut ke semester berikutnya (tanpa dikenakan caj yuran pengajian) dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah/tesis mereka mengikut Peraturan 7.1.
- 7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred “F” untuk projek ilmiah/tesis mereka sebelum dibenarkan mendaftar semula kursus tersebut (dikenakan caj yuran pengajian) mengikut Peraturan 7.1.
- 7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

8 PENJADUALAN

- 8.1 Pelajar dikehendaki mencetak jadual waktu kuliah/tutorial/makmal masing-masing melalui Portal e-Wadi pada tarikh yang ditetapkan.
- 8.2 Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/tutorial/makmal mengikut hari dan masa serta kumpulan yang telah ditetapkan dalam jadual waktu yang berkenaan.
- 8.3 Pelajar tidak dibenarkan bertukar kumpulan tanpa kebenaran Bahagian Pengajian Prasiswazah.

9 PENGULANGAN KURSUS

- 9.1 Pelajar yang gagal bagi mana-mana kursus diwajibkan mengulang kursus tersebut kecuali bagi kursus yang tidak memerlukan pelajar berbuat demikian.
- 9.2 Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred “C-” dan “D” sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambil kira sebagai gred akhir tanpa mengambil kira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

10 PENGECUALIAN KURSUS/PEMINDAHAN JAM KREDIT

- 10.1 Pelajar hanya akan diberikan pengecualian kursus/pemindahan jam kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya. Proses ini hanya dilakukan ketika pelajar berada di Semester I, Tahun 1.
- 10.2 Pelajar dibenarkan untuk mendaftar kursus-kursus lain bagi menggantikan kursus yang telah diberi pengecualian/pemindahan jam kredit untuk memastikan minimum kredit bagi setiap semester yang diambil mencukupi dan mengikut syarat program yang telah ditetapkan.
- 10.3 Pemberian pengecualian kursus/pemindahan jam kredit adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Fakulti.
- 10.4 Pelajar yang layak mendapat pengecualian kursus/pemindahan jam kredit, tetapi ingin mengambil kursus yang diberi pengecualian/pemindahan jam kredit tersebut boleh memohon untuk tidak dikecualikan dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan masing-masing.
- 10.5 Pengecualian kursus/pemindahan jam kredit yang diberikan hendaklah tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah kursus yang ditawarkan atau maksimum 40 jam kredit.
- 10.6 Gred minimum yang diperolehi bagi sesuatu kursus setara di peringkat program pengajian Diploma hendaklah sekurang-kurangnya Gred B dan sekurang-kurangnya Gred C di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

11 TEMPOH PENGAJIAN

- 11.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah berdasarkan kepada tempoh maksimum dan minimum yang ditetapkan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.
- 11.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum itu boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 11.3 Bagi pelajar yang diberikan pengecualian kursus/pemindahan jam kredit untuk beberapa kursus, tempoh minimum pengajian yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada baki jumlah bilangan jam kredit dan penawaran kursus oleh Fakulti.

12 PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 12.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Kelulusan penangguhan tersebut perlu dipanjangkan ke BPPS dan dimaklumkan ke Senat Universiti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan

daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pengamal perubatan selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pakar psikiatri yang memberi rawatan.

- 12.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menanggung pengajian pada semester tersebut.
- 12.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 12.1 dan Peraturan 12.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
- 12.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke-10 sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 12.1 atau Peraturan 12.2.
- 12.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Ketua BPPS.
- 12.6 Bayaran yuran yang telah dijelaskan oleh pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:
 - 12.6.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain;
 - 12.6.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain; dan
 - 12.6.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): tiada sebarang pemulangan yuran.

- 12.7 Sekiranya pelajar belum menjelaskan yuran pengajian pada semester yang ditangguh pengajiannya, pelajar perlu menjelaskan yuran pengajiannya seperti berikut:
- 12.7.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 25% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh;
 - 12.7.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 50% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh; dan
 - 12.7.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): yuran perlu dibayar penuh.
- 12.8 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 12.8.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 12.1, Peraturan 12.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 12.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
 - 12.8.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 12.8.1 diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
 - 12.8.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Walau bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan pada setiap semester.

13 PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI (*INDEPENDENT STUDIES*)

- 13.1 Pelajar yang berada dalam tahun terakhir pengajiannya boleh mengambil suatu kursus secara pensetaraan/pembelajaran sendiri (*independent studies*) sekiranya kursus tersebut tidak ditawarkan dalam suatu semester

yang sedang diikuti, atau berlaku pertindihan jadual waktu sebenar kursus tersebut dengan kursus-kursus lain yang diambil oleh pelajar terbabit.

- 13.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan bagi tujuan ini kepada Fakulti. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kelulusan Dekan.

14 PENGANTUNGAN PENGAJIAN

Pelajar yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib oleh pihak berkuasa tata tertib USIM boleh digantung pengajian bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN D: PEPERIKSAAN

15 STRUKTUR PENILAIAN

- 15.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 15.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester kecuali kursus-kursus yang tiada peperiksaan akhir.
- 15.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam Transkrip Akademik Rasmi.
- 15.4 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 – 100	4.00	Cemerlang
A-	75 – 79	3.75	Cemerlang
B+	70 – 74	3.50	Kepujian
B	65 – 69	3.00	Kepujian
B-	60 – 64	2.75	Memuaskan
C+	55 – 59	2.50	Memuaskan
C	50 – 54	2.00	Lulus
C-	45 – 49	1.75	Lulus
D	40 – 44	1.00	Lulus
F	0 – 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	-	-
TL	Tidak Lengkap	-	-
SM	Sedang Maju	-	-
U	Audit	-	-
TD	Tarik Diri	-	-
TG	Tanggung Pengajian	-	-
TP	Tanggung Peperiksaan	-	-
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	Dihalang	0.00	Gagal

- 15.5 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 15.5.1 “L/G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 15.5.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah dengan kebenaran program pengajian berkenaan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- (a) Kredit bagi kursus tersebut tidak diambil kira bagi maksud purata nilai gred sehinggalah kursus itu diikuti dengan sempurna dan mendapat gred tertentu selepas mengikuti penilaian sewajarnya.
 - (b) Sekiranya pelajar gagal melengkapkan kursus dengan memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan pelajar akan diberi taraf gagal bagi kursus tersebut.
- 15.5.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 15.5.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 15.5.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 15.5.6 “TG” (Tangguh Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 15.5.7 “TP” (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.

15.5.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .

15.5.9 “X” (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

16. SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED

16.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan oleh Senat Universiti.

16.2 Kursus yang mendapat gred “F” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.

16.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred “F” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.

16.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

16.4.1 PNGS =

$$\frac{\text{Jumlah *nilai kredit yang diperolehi pada sesuatu semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semester yang sama}}$$

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA1013	A	4.00	3	12.00
AAA1033	B+	3.50	3	10.50
AAA1053	A-	3.75	3	11.25
AAA1073	F	0.00	3	00.00
AAA1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH			15	41.25

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= 2.75 \end{aligned}$$

16.4.2 PNGK =

$$\frac{\text{Jumlah *nilai kredit yang diperolehi di semua semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang terkumpul di semua semester}}$$

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH (A)			15	41.25

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= 2.75 \end{aligned}$$

Contoh : Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Unit Kredit
AAA1023	A	4.00	3	12.00
AAA1043	B+	3.50	3	10.50
AAA1063	C+	2.50	3	7.50
AAA1083	A	4.00	3	12.00
AAA1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH (B)			15	45.00
JUMLAH BESAR (A+B)			30	86.25

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= 2.88 \end{aligned}$$

17 KEHADIRAN PELAJAR

- 17.1 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah / tutorial / makmal / studio / Latihan Industri / Latihan Amali / Praktikum / Latihan Mengajar / klinikal / program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti yang ditetapkan dalam struktur penawaran program.
- 17.2 Kehadiran kuliah/makmal/tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

- 17.3 Pelajar diwajibkan untuk merekodkan kedatangan ke kuliah/tutorial/makmal melalui e-Hadir.
- 17.4 Pelajar yang berstatus mendaftar sahaja yang boleh mengakses sistem e-Hadir. Rekod pelajar yang berstatus tidak aktif tiada dalam sistem e-Hadir dan kehadiran mereka ke kuliah/tutorial/makmal tidak akan diambil kira di dalam sistem kehadiran.

18 TARIKH PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 18.1 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 18.2 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

19 JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 19.1 Jadual Peperiksaan Akhir Semester yang disediakan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah akan dipaparkan melalui e-Wadi dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan bermula.
- 19.2 Sebarang pertindihan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester perlu dilaporkan kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah.
- 19.3 Semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diwajibkan membuat penilaian e-Nilai sebelum mencetak Slip Jadual Peperiksaan Akhir Semester.

20 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 20.1 Slip keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Senat Universiti dipaparkan secara *online* melalui portal e-Wadi.
- 20.2 Slip keputusan Peperiksaan Akhir Semester akan dihantar ke Fakulti pada minggu pertama semester berikutnya.
- 20.3 Universiti berhak menahan slip keputusan peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

21 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN

- 21.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon Peperiksaan Gantian daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan

menangguhkan pengambilan peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.

- 21.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 21.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 12.1.
 - 21.3.1 Permohonan atas sebab-sebab lain kecuali atas sebab kelalaian dan kealpaan pelajar, boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.
 - 21.3.2 BPPS boleh untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diluluskan oleh Dekan sekiranya bercanggah dengan Peraturan Penangguhan Peperiksaan ini.

22 PEPERIKSAAN GANTIAN

- 22.1 Peperiksaan Gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.
- 22.2 Pendaftaran kursus pada semester Peperiksaan Gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan Peperiksaan Gantian berkenaan diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 27.1, 27.2 dan 27.3.

23 PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS

- 23.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dengan syarat pelajar tersebut telah menduduki peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 23.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).
- 23.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

24 PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

- 24.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 24.2 Semua skrip hendaklah disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 24.3 Semua skrip jawapan peperiksaan tidak boleh dimusnahkan kecuali sekurang-kurangnya selepas tempoh tiga (3) bulan (tertakluk kepada keperluan Fakulti) seperti yang tersebut di dalam Peraturan 24.2.
- 24.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

25 RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

- 25.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah. Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 25.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 25.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 25.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 25.5 Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya sebagai Pengerusi, Ketua Program pelajar yang berkenaan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan pemeriksa kedua yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.

- 25.6 Berikutan dari semakan semula, markah/gred yang diambil kira ialah markah/gred yang diperolehi selepas semakan semula yang dibuat oleh pemeriksa kedua.
- 25.7 Sebarang perubahan markah/gred sama ada dikekalkan atau dipinda adalah tertakluk kepada perakuan Panel Pemeriksa dimana perakuan tersebut hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 25.8 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak akan dipertimbangkan.

26 RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

- 26.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 26.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 26.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua BPPS hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 26.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 26.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
- 26.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 26.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
 - 26.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan sama ada diterima atau ditolak.
- 26.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara di atas hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.

- 26.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak akan dilayan.

27 SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 27.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.
- 27.2 Lulus Bersyarat:
- 27.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 hingga 1.99.
- 27.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 27.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 27.3 Gagal:
- 27.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 (termasuk pelajar Tahun 1, Semester I di mana PNGK sama dengan PNGS) atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 27.2.2 di atas.

(Perkara 27.2.2 dan 27.3.1 berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi Akademik 2010/2011)

BAHAGIAN E: PENGIJAZAHAN

28 STRUKTUR PENGIJAZAHAN

28.1 Jumlah Unit dan Komposisi Kursus

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikut dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam peraturan pengajian program yang diikuti meliputi komposisi seperti berikut:

28.1.1 Kursus Wajib Universiti (WU);

28.1.2 Kursus Wajib Fakulti (WF);

28.1.3 Kursus Wajib Program (WP); dan

28.1.4 Kursus Elektif Program (EP).

28.2 Penilaian untuk Mendapatkan Ijazah

28.2.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

- (a) memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 16.1, 16.2 dan 16.3; dan
- (b) memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

28.1 Pengurniaan Ijazah

28.3.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.70	- Pertama;
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas;
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah; dan
2.99	
2.00	- Ketiga.
2.33	

28.3.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (c) memenuhi keperluan MUET yang ditetapkan oleh Universiti;
- (d) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (e) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

29 PENGURNIAAN AKADEMIK

29.1 Anugerah Dekan

29.1.1 Pelajar akan menerima Anugerah Dekan jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Mendapat PNGS 3.60 dan ke atas bagi semua program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang ditawarkan oleh USIM kecuali program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (b) Memperolehi Gred A dalam semua matapelajaran profesional yang diambil oleh pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.
- (c) Memperolehi gred A atau A- dalam matapelajaran/kursus teras perubatan iaitu Peperiksaan Profesional Pertama, Peperiksaan Profesional Kedua dan Peperiksaan Profesional Akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (d) Bilangan kursus dan jumlah kredit yang didaftarkan mestilah tidak kurang dari jumlah minimum kredit yang perlu didaftarkan pada setiap semester berdasarkan peraturan pengajian program sebagaimana yang telah ditetapkan.
- (e) Kursus yang didaftarkan berstatus kursus semasa (D) dan bukan kursus ulangan (R) atau Peperiksaan Ulangan Khas/Peperiksaan Gantian.
- (f) Semua kursus yang didaftarkan pada sesuatu semester adalah kursus yang diambil kira dalam pengiraan PNGS

dan PNGK pelajar atau keputusan Peperiksaan Profesional pelajar bagi pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian. Sekiranya pelajar hanya mengambil Latihan Industri / Latihan Amali / Latihan Mengajar / Praktikum pada semester akhir pengajiannya, ia tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pemberian Anugerah Dekan.

- (g) Ia merupakan semester lazim dan bukan semester Khas atau tambahan semester bagi sesetengah pelajar yang tidak dapat menghabiskan kursus-kursus yang perlu diambil untuk tujuan pengijazahan seperti tambahan semester untuk memperbaiki gred, mengulang kursus atau menyiapkan projek Ilmiah.

29.2 Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan Hadiah Buku Universiti

29.2.1 Pelajar akan menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan/atau Hadiah Buku Universiti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum.

29.3 Hadiah Buku Fakulti

29.3.1 Pelajar akan menerima Hadiah Buku Fakulti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi

Sarjana Muda Perubatan dan Surgery, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;

- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum

29.4 Hadiah Ko-Kurikulum

29.4.1 Pelajar akan menerima Hadiah Ko-Kurikulum jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK 3.00 dan ke atas tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred B bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgery, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan dalam bidang ko-kurikulum dengan markah yang tertinggi.

30 SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP DAN SKROL

30.1 Surat Pengesahan Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik Rasmi yang telah diperakukan oleh Senat Universiti dikeluarkan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah dan diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian.

30.2 Skrol akan diberikan kepada pelajar setelah Majlis Konvokesyen berlangsung.

31 UMUM

31.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuat kuasa Peraturan ini.

31.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.

- 31.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam peraturan pengajian program, maka Peraturan ini adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam peraturan pengajian program tersebut.
- 31.4 Semua pelajar adalah tertakluk secara umum kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan juga Kaeda-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 2009 atau pindaan yang telah dibuat ke atas kedua-duanya.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA 2011)**

JADUAL PERTAMA

Di bawah Peraturan 16.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Pengajian Halaqah;
2. Muhadathah Hurrah; dan
3. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38 dan pindaan pada 6 April 2011 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-62, Bil. 2/2011)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA 2011)**

JADUAL KEDUA

Di bawah Peraturan-peraturan 5.1, 7.1, 23.3, 25.3 dan 26.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

Bil.	Urusan	Kadar Bayaran
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus
6.	Pertukaran Program Pengajian (kali pertama)	RM100.00
	Pertukaran Program Pengajian (kali kedua dan seterusnya)	RM200.00/pertukaran

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan pindaan pada 23 Jun 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-57, Bil. 3/2010)

LATAR BELAKANG FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

Bagi mencapai matlamat yang direncanakan serta untuk meluaskan skop pengajiannya, USIM telah menubuhkan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah pada Sesi 2000/2001 dan mula mengambil sekumpulan pelajar sulungnya bagi satu program iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah. Adalah diharapkan fakulti ini menjadi satu lagi wadah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan profesional dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah. Di samping itu, Fakulti ini juga berharap akan dapat mengembangkan lagi Syiar Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan dan hikmah yang terkandung di dalam kitab suci Quran dan Sunnah kepada masyarakat dan Negara.

Bidang Pengajian Quran dan Sunnah merupakan bidang yang paling dituntut dalam agama Islam kerana ia merupakan teras kepada kehidupan seorang muslim. Oleh itu, dengan tertubuhnya Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah ini ia akan menyemarakkan lagi penghayatan Quran dan Sunnah dalam kehidupan manusia yang semakin pesat dengan kemajuan teknologi dan gerakan modernisasi global. Bagi melaraskan kembali pembinaan ketamadunan yang utuh maka pembinaan akhlak tenaga manusia merupakan perkara yang paling wajib diutamakan oleh negara. Justeru, kepentingan pengajian Quran dan Sunnah ini memang tidak dapat dinafikan lagi.

Berdasarkan kepada kesedaran dan hasrat inilah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah komited untuk terus memartabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan negara. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Fakulti termasuklah menawarkan beberapa program pengajian baru yang bersifat inovatif yang mengintegrasikan antara pengajian Quran dan Sunnah yang berbentuk klasikal dengan bidang-bidang yang bersifat gunaan selaras dengan hasrat dan keperluan Negara. Justeru, bermula sesi pengajian 2005/2006, dua program pengajian baru telah ditawarkan iaitu program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia (Dengan Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian). Kedua-dua program ini yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM ini merupakan satu nilai tambahan kepada pelajar-pelajar aliran agama di Malaysia yang meluaskan peluang pengajian mereka di samping bidang pengajian Quran dan Sunnah yang sedia ada. Pada sesi pengajian 2009/2010, satu lagi program pertama seumpamanya ditawarkan di antara pihak kerajaan iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah USIM di Darul Quran, JAKIM. Penawaran program ini dilihat sebagai salah satu platform memantapkan hubungan Universiti dengan pihak luar. Manakala program susulan dengan pihak luar yang sedang dirancang pada waktu terdekat adalah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah USIM di Kolej Islam Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Pahang.

Visi

“Memartabatkan Quran dan Sunnah sebagai ruh kecemerlangan ilmu dan insan.”

Misi

“Bertekad menjadi sebuah fakulti yang terkehadapan dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.”

Objektif

- Menawarkan program pengajian yang kompetitif dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

(Selari dengan USIM KRA 2)

- Melahirkan modal insan yang menguasai cabang bidang pengajian Quran dan Sunnah serta memiliki kemahiran insaniah sesuai dengan tuntutan semasa.

(Selari dengan USIM KRA 1)

- Menjalankan penyelidikan yang mengukuhkan visi, misi fakulti dan universiti.

(Selari dengan USIM KRA 3)

- Mengembangkan kepakaran dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap Quran dan Sunnah.

(Selari dengan USIM KRA 3 & 4)

- Menyokong menjadikan USIM sebagai sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam.

Program yang Ditawarkan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah menawarkan program dalam bidang yang agak luas di semua peringkat, di samping terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat. Program-program tersebut adalah berbentuk akademik dan formal dan peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian)
2. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian)
3. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian).
4. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) USIM di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH
DENGAN KEPUJIAN**

SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH (DENGAN KEPUJIAN)

Latarbelakang

Program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian ditawarkan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

1. Kursus Pengajian Quran dan Sunnah telah lama diajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ianya tidak diajar secara lengkap di peringkat ijazah cuma ditawarkan di peringkat jabatan dan di peringkat yang lebih rendah. Oleh itu sudah tiba masanya program ini diajar secara lebih komprehensif di peringkat Ijazah.
2. Dorongan kerajaan dan minat masyarakat terhadap pengajian Quran dan Sunnah begitu ketara sekali, terutamanya dengan penubuhan Maahad Tahfiz dan pusat-pusat pengajian Quran di seluruh negara. Oleh itu program ini dapat menyahut cabaran menyediakan tenaga mahir dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah.
3. Mutakhir ini, muncul golongan yang mempertikaikan kewibawaan hadis serta mengingkari keuhajannya dan golongan yang beramal dengan amalan-amalan bid'ah sesat yang berpandukan kepada hadis-hadis palsu yang boleh merosakkan ajaran Islam yang sebenarnya. Justeru, kewujudan program ini amatlah diperlukan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan yang mendalam dalam bidang Sunnah, supaya mereka mampu membela kesucian Sunnah, seterusnya berupaya membanteras unsur-unsur bidaah dan khurafat.
4. Pada masa ini, belum ada mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kejujian. Justeru, ia akan menjadi program IPTA pertama di Malaysia.

Objektif

Program Pengajian Quran dan Sunnah ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran bidang Quran dan Sunnah secara bersepadu untuk melahirkan modal insan yang profesional dan beretika.
2. Memberi nilai tambah kepada graduan bidang pengajian Quran dan Sunnah menerusi gabungan elemen tradisional dan kontemporari.
3. Menyediakan graduan yang berdaya saing dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah bagi memenuhi keperluan industri.

4. Merealisasikan misi Universiti Sains Islam Malaysia untuk menjadi sebuah universiti yang terkehadapan dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Syarat Kemasukan

Calon-calon yang memohon mengikuti program ini hendaklah memenuhi syarat berikut:

1. Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya lima (5) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
 - Bahasa Arab Tinggi;
 - Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:-
 - Pendidikan Islam;
 - Tasawwur Islam;
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah;
 - Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah;
 - Satu (1) mata pelajaran lain; dan
 - Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.
2. Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
 - 2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau
 - 2.2. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab; dan
 - Syariah/Usuluddin; **atau**
 - 2.3 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.
3. Telah memenuhi keperluan MUET.

- Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

KOMPONEN PROGRAM

- Untuk layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 131 unit/jam kredit atau 4 tahun (8 semester) pengajian sepenuh masa. Pelajar juga dikehendaki mengikuti kursus mengikut keperluan, peraturan dan ketetapan yang dibuat oleh USIM dan Fakulti.
- Struktur program ini umumnya, terbahagi kepada empat bahagian, iaitu komponen kursus Wajib Universiti (WU), komponen kursus wajib Fakulti (WF), komponen kursus Wajib Program (WP) dan komponen kursus Elektif Program (EP). Perincian kepada komponen program ini akan bergantung kepada jenis program masing-masing.
- Justifikasi komponen program: Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) merupakan satu program yang mana ianya merangkumi semua aspek pengajian Quran & Sunnah dan bidang yang berkait rapat dengan bidang pengajian Islam, kemahiran bahasa, teknologi komunikasi maklumat dan asas kaedah penyelidikan. Komponen program ini disusun dengan rapi dan teliti untuk memenuhi permintaan industri dan sektor awam yang amat mengharapkan graduan yang dilahirkan dari bidang ini dapat melaksanakan nilai-nilai Islam. Setiap program yang ditawarkan akan berteraskan kepada ajaran Islam sepenuhnya agar ianya dapat diterima oleh masyarakat selari dengan kehendak masyarakat Islam moden dan progresif. Diharapkan dengan cara itu setiap program yang ditawarkan akan dapat memberi sumbangan yang terbaik kepada masyarakat.

STRUKTUR KOMPONEN PROGRAM

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Universiti	UTT1012 Tamadun Islam dan Asia	2	WU
	UTE1012 Hubungan Etnik	2	WU
	ADT2012 Akhlak & Tasawwuf	2	WU
	MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	3	WU
	ADA2012 Akidah Islam	2	WU
	UTK2012 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	2	WU
	LBA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WU
	UBA1032 Bahasa Arab I	2	WU
	UBA1042 Bahasa Arab II	2	WU
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WU

	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WU
	*1 Kursus Ko-Kurikulum	2	WU
	Jumlah Unit	25	

* 1 kursus yang ditawarkan oleh Universiti dari semasa ke semasa

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Wajib Fakulti	UBE1032 Bahasa Inggeris Untuk Keperluan Akademik	2	WF
	UBA1062 Bahasa Arab III (Sains Sosial)	2	WF
	AAD1013 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	3	WF
	UTH3012 Pengajian Halaqah	2	WF
	SKS1362 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2	WF
	QSS1112 Sirah Rasul	2	WF
	QQQ2072 Ulum al-Quran	2	WF
	QSH2012 Ulum al-Hadith	2	WF
	MGC3012 Keusahawanan	2	WF
	QUP8013 Metodologi Penyelidikan	2	WF
	QUZ4036 Latihan Industri	6	WF
		Jumlah Unit	27
Kursus Wajib Program Pengajian Quran dan Sunnah	QQQ1011 Hifz al-Quran I	1	WP
	QQQ1021 Hifz al-Quran II	1	WP
	QQQ2031 Hifz al-Quran III	1	WP
	QQQ2041 Hifz al-Quran IV	1	WP
	QQQ3051 Hifz al-Quran V	1	WP
	QQT2083 Tafsir I	3	WP
	QQT3093 Tafsir II	3	WP
	QQT2103 Tafsir Ayat-ayat Hukum	3	WP
	QQQ1062 Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WP
	QQQ2123 Dabt Rasm al-Quran dan Fawasil	3	WP
	QSF3043 Hadith I	3	WP
	QSF3053 Hadith II	3	WP
	QSF3073 Hadith Hukum	3	WP
	QSH2023 Ilmu Rijal al-Hadith	3	WP
	QSH2033 Ilmu Takhrij	3	WP
	QNR3013 Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah	3	WP

	QNR2043 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	3	WP
	QNR4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	3	WP
	QUP4023 Projek Ilmiah	3	WP
	Jumlah Unit	46	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Kursus Teras
Kursus Elektif Program	*QSD3093 Sunnah, Bid'ah & Khurafat	3	EP
	*QSH3083 Kajian Hadith Dha'if & Maudu'	3	EP
	*QQT4183 Tafsir Ilmi	3	EP
	*QQQ2133 Tarannum	3	EP
	*QQQ1113 Ilmu Tajwid	3	EP
	*QQR3173 Metodologi Pengajaran al-Quran dan Tahfiz	3	EP
	*QHW3033 Pengantar Manuskrip Melayu dan Islam	3	EP
	**QQQ2143 I'jaz al-Quran	3	EP
	**QQQ3163 Qiraat Amali II	3	EP
	**QUP4043 Pengurusan Ilmu	3	EP
	**QCI2013 Sejarah, Peranan dan Pembangunan Perpustakaan Islam	3	EP
	**AAD4133 Adab al-Ikhtilaf	3	EP
	**AAC2013 Islam dan Isu-isu Semasa	3	EP
	**LBE4013 As-Siyasah As-Syariah	3	EP
	**LBD2013 Qawa'id Fiqhiyyah	3	EP
	**LBB3082 al-Fiqh al-Mu'asir	3	EP
	Jumlah Unit	33	

Pelajar dikehendaki memenuhi keperluan kursus daripada Elektif Program (EP) berdasarkan kriteria berikut:

- i. Bagi kursus bertanda (*), pelajar wajib mengambil kursus ini.
- ii. Bagi kursus bertanda (**) pelajar dibenarkan memilih kursus sebanyak nilai 12 unit/jam kredit sahaja.

SENARAI PENAWARAN KURSUS BARU MENGIKUT SEMESTER

Semester 1

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
UTT1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
SKS1362 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	WF	2	3
UBA1032 Bahasa Arab I	WU	2	3
UBA1042 Bahasa Arab II	WU	2	3
UBE1012 Bahasa Inggeris I	WU	2	3
UBE1022 Bahasa Inggeris II	WU	2	3
UTE1012 Hubungan Etnik	WU	2	2
QQQ1011 Hifz al-Quran I	WP	1	1
QSS1112 Sirah Rasul	WF	2	3
Ko-Kurikulum	WU	2	2
Jumlah		19	25

Semester 2

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
MGA1023 Prinsip Pengurusan Perniagaan	WU	3	4
UBE1032 Bahasa Inggeris untuk Keperluan Akademik	WF	2	3
UBA1062 Bahasa Arab III (Sains Sosial)	WF	2	3
AAD1013 Prinsip dan Amalan Komunikasi Da'wah	WF	3	4
QQQ1021 Hifz al-Quran II	WP	1	1
QQQ1113 Ilmu Tajwid	EP	3	4
QHW3033 Pengantar Manuskrip Melayu dan Islam	EP	3	4
Jumlah		17	23

Semester 3

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
ADA2012 Akidah Islam	WU	2	3
QQQ2072 Ulum al-Quran	WF	2	3
QSH2012 Ulum al-Hadith	WF	2	3
QQQ2031 Hifz al-Quran III	WP	1	1
QQR3173 Metodologi Pengajaran al-Quran dan Tahfiz	EP	3	4
QQQ1062 Pengantar Qiraat dan Hafazan	WP	2	3
QQQ2123 Dabt, Rasm al-Quran dan Fawasil	WP	3	4
QQT2083 Tafsir I	WP	3	4
Jumlah		18	25

Semester 4

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
LBA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WU	2	3
ADT2012 Akhlak dan Tasawwuf	WU	2	3
UTK2012 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	WU	2	3
QQT2103 Tafsir Ayat-ayat Hukum	WP	3	4
QQQ2041 Hifz al-Quran IV	WP	1	1
QSH2023 Ilmu Rijal al-Hadith	WP	3	4
QSH2033 Ilmu Takhrij	WP	3	4
QNR2043 Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	WP	3	4
Jumlah		19	26

Semester 5

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
QNR3013 Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah	WP	3	4
QQT3093 Tafsir II	WP	3	4
QSF3043 Hadith I	WP	3	4
QSH3083 Kajian Hadith Da'if dan Maudu'	EP	3	4
QQQ2133 Tarannum	EP	3	4
QQQ3051 Hifz al-Quran V	WP	1	1
1 kursus Elektif	EP	3	4
Jumlah		19	25

Semester 6

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
MGC3012 Keusahawanan	WF	2	3
QUP8013 Metodologi Penyelidikan	WF	2	3
QSF3053 Hadith II	WP	3	4
QSD3093 Sunnah, Bid'ah dan Khurafat	EP	3	4
QSF3073 Hadith Hukum	WP	3	4
UTH3012 Pengajian Halaqah	WF	2	1
1 kursus Elektif	EP	3	4
Jumlah		18	23

Semester 7

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
QQT4183 Tafsir Ilmi	EP	3	4
QUP4023 Projek Ilmiah	WP	3	4
QNR4023 Kajian Quran dan Hadith di Era ICT	WP	3	4
2 kursus Elektif	EP	6	8
Jumlah		15	20

Semester 8

Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
QUZ4036 Latihan Industri	WF	6	
Jumlah		6	
JUMLAH KESELURUHAN		131	167

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN
KEPUJIAN) 2007 (PINDAAN PERTAMA, 2011)**

Peraturan – peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian) 2007, (Pindaan Pertama 2011)

Peraturan – peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian) 2007, (Pindaan Pertama 2011) ini dikeluarkan setelah semakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Peraturan-peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007. Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai selaras dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Pertama 2011) telah diluluskan oleh Senat Universiti Kali Ke-64 pada 3 Ogos 2011 dan berkuat kuasa bermula Semester Akademik 2011/2012.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut untuk membolehkan Universiti memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan peraturan-peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini iaitu:
 - i. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum program pengajian yang diikuti di Universiti.
 - ii. Membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - iii. Membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - iv. Membayar yuran Universiti mengikut masa dan jumlah yang ditetapkan.
 - v. Menghadiri kuliah / tutorial / makmal / studio / Latihan Industri / Latihan Amali / Praktikum / Latihan Mengajar / klinikal / program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain yang ditetapkan oleh Universiti/Fakulti.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada pihak pengurusan Fakulti dan staf pentadbiran sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk permasalahan.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan atau kealpaan terhadap peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN A: PENTAKRIFAN

1 Nama, Mula Berkuatkuasa, Pemakaian dan Tafsiran

- 1.1 Peraturan – peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian) 2007, (Pindaan Pertama 2011) dan hendaklah mula berkuat kuasa pada Semester Akademik 2011/2012.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di USIM selepas tarikh Peraturan ini berkuat kuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua program yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.
- 1.4 Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:
 - 1.4.1 "Senat Universiti" ertinya badan akademik bagi Universiti dan tertakluk kepada peruntukan Perlambagaan Universiti Sains Islam Malaysia 2010, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memeberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma sijil dan kepujian akademik yang lain;
 - 1.4.2 "Dekan" termasuklah Dekan Fakulti/Ketua PTJ Akademik yang mengetuai sesebuah Fakulti/Sekolah/Pusat/Akademi/Institut;
 - 1.4.3 "Ketua BPPS" ertinya Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah;
 - 1.4.4 "Fakulti" termasuklah Sekolah/Pusat/Akademi/Institut yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;
 - 1.4.5 "BPPS" ertinya Bahagian Pengajian Prasiswazah;
 - 1.4.6 "PTJ" ertinya Pusat Tanggungjawab;
 - 1.4.7 "Staf pentadbiran" termasuklah para pegawai Fakulti / Pusat / Bahagian / Unit yang menguruskan hal ehwal pentadbiran akademik;
 - 1.4.8 "MUET" ertinya *Malaysian University English Test*;
 - 1.4.9 "NGMP" ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;
 - 1.4.10 "PNG" ertinya Purata Nilai Gred;

- 1.4.11 “PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;
- 1.4.12 “PNGS” ertinya Purata Nilai Gred Semester;
- 1.4.13 “Penggantungan pendaftaran” ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;
- 1.4.14 “Pegawai perubatan/doktor bertauliah” ertinya pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti/Pusat Kesihatan Universiti;
- 1.4.15 “Pakar perubatan” ertinya pegawai perubatan yang bertauliah dengan kepakaran yang diiktiraf;
- 1.4.16 “Penangguhan pengajian” ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;
- 1.4.17 “Penangguhan peperiksaan” ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;
- 1.4.18 “Sakit” ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan;
- 1.4.19 “SPM” ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;
- 1.4.20 “STAM” ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;
- 1.4.21 “STPM” ertinya Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia;
- 1.4.22 “Program Pengajian” ertinya program akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- 1.4.23 “Semester” ertinya sesi pengajian yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi;
- 1.4.24 “Kursus” ertinya mata pelajaran atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam struktur penawaran bagi sesuatu program pengajian;
- 1.4.25 “Latihan Industri/Latihan Amali/Praktikum/Latihan Mengajar/klinikal/ program sangkutan” ertinya aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam suasana sebenar alam pekerjaan;

- 1.4.26 “Kokurikulum” ertinya kursus Universiti yang dijalankan untuk memupuk Kemahiran Insaniah pelajar seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;
- 1.4.27 “Pembelajaran Kendiri (Independent Studies)” ertinya kaedah pembelajaran di mana seseorang pelajar mengikuti sesuatu kursus secara persendirian dengan seseorang tenaga pengajar berdasarkan kesesuaian waktu tenaga pengajar dan pelajar berkenaan;
- 1.4.28 “Penilaian” ertinya pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian lisan/bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, projek, Latihan Industri/Latihan Amali/Praktikum/Latihan Mengajar/ klinikal/program sangkutan;
- 1.4.29 “Peperiksaan Akhir Semester” ertinya penilaian bertulis bagi sesuatu kursus yang dijalankan pada penghujung setiap semester;
- 1.4.30 “Peperiksaan Profesional” ertinya penilaian bertulis/klinikal pada akhir sesi akademik;
- 1.4.31 “e-Nilai” ertinya Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara *online*;
- 1.4.32 “e-Hadir” ertinya Sistem Kehadiran Pelajar;
- 1.4.33 “e-Wadi” ertinya portal perkhidmatan secara web yang disediakan untuk capaian staf dan pelajar;
- 1.4.34 Semua pelajar adalah tertakluk secara umum kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan juga Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 atau pindaan yang telah dibuat ke atas kedua-duanya.

BAHAGIAN B: KEMASUKAN PELAJAR

2 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (WARGANEGARA)

2.1 Syarat kemasukan bagi lepasan Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;

- 2.1.2 Lulus Tamhidi USIM/Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00;
- 2.1.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.1.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.2 Syarat kemasukan bagi lepasan STPM adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;
- 2.2.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.2.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.3 Syarat kemasukan bagi lepasan STAM adalah seperti berikut:

- 2.3.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.3.2 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;
- 2.3.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.3.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

2.4 Syarat kemasukan bagi lepasan Diploma/setaraf adalah seperti berikut:

- 2.4.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi;
- 2.4.2 Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

- 2.4.3 Telah memenuhi keperluan MUET; dan
- 2.4.4 Memenuhi keperluan khas program yang dipohon sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program tersebut.

3 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (BUKAN WARGANEGARA)

3.1 Syarat kemasukan bagi lepasan STPM / STAM / GCE 'A' Level dan setaraf adalah seperti berikut :

- 3.1.1 Lulus SPM / GCE 'O'Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.1.2 Memperoleh Kredit dalam sekurang-kurangnya satu (1) subjek yang berkaitan dengan program yang dipohon (tertakluk kepada syarat khas program yang dipohon); dan
- 3.1.3 Memperoleh Kredit dalam dua (2) matapelajaran berkaitan Pendidikan Islam; dan
- 3.1.4 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi / setaraf; dan
- 3.1.5 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Inggeris; dan
- 3.1.6 Memiliki STPM / STAM/ GCE 'A' Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.1.7 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 atau setaraf; atau
- 3.1.8 Mendapat tahap Jekyllid dan ke atas atau setaraf; dan
- 3.1.9 Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 3 dan ke atas; atau IELTS Band 4 dan ke atas atau mendapat skor 45 (PBT)/skor 133 (CBT)/skor 450 (PBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana-mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.1.10 Menunjukkan penyata kewangan yang baik / penyata biasiswa kepada USIM.

3.2 Syarat kemasukan bagi lepasan Matrikulasi/ Diploma dan setaraf adalah seperti berikut :

- 3.2.1 Lulus SPM/ GCE'O' Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan

- 3.2.2 Memperoleh Kredit dalam sekurang-kurangnya satu (1) subjek yang berkaitan dengan program yang dipohon (tertakluk kepada syarat khas program yang dipohon); dan
- 3.2.3 Memperoleh Kredit dalam dua (2) matapelajaran berkaitan Pendidikan Islam; dan
- 3.2.4 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Arab / Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi; dan
- 3.2.5 Memperoleh Kredit dalam subjek Bahasa Inggeris; dan
- 3.2.6 Memiliki Sijil Matrikulasi / Diploma atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.2.7 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan ke atas bagi lulusan Diploma; atau
- 3.2.8 Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan ke atas bagi lulusan Matrikulasi; dan
- 3.2.9 Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 3 dan ke atas; atau IELTS Band 4 dan ke atas atau mendapat skor 45 (PBT)/skor 133 (CBT)/skor 450 (PBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana- mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- 3.2.10 Menunjukkan penyata kewangan yang baik / penyata biasiswa kepada USIM.

4 PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN UNIVERSITI

- 4.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua BPPS untuk kelulusan dan disalinkan kepada Dekan. Walau bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan pada setiap semester.
- 4.2 Tempoh penggantungan pendaftaran Universiti tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 4.3 Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

5 PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- 5.1 Setiap permohonan pertukaran program pengajian dikenakan sejumlah bayaran dan hendaklah dibayar di Jabatan Bendahari.
- 5.2 Setiap permohonan hendaklah diterima sebelum tamat minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan oleh Dekan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester tersebut.
- 5.3 Setiap permohonan yang diterima selepas minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan oleh Dekan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester berikutnya.
- 5.4 Panduan Permohonan Pertukaran Program Pengajian Sarjana Muda adalah sebagaimana yang terkandung dalam e-Panduan Fakulti.

6 PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI

- 6.1 Pelajar perlu mengemukakan permohonan tarik diri dari Universiti secara bertulis dengan menyatakan alasan kepada Ketua BPPS dengan pengesahan Dekan.
- 6.2 Bahagian Pengajian Prasiswazah akan mengubah status pelajar kepada Tarik Diri dalam modul capaian kemasukan sistem al-'Aaliyah. Tarikh kuat kuasa penarikan diri pelajar adalah berdasarkan tarikh surat permohonan pelajar.
- 6.3 Bahagian Pengajian Prasiswazah akan mengeluarkan surat pengesahan tarik diri dari Universiti dengan mengambil kira beberapa perkara berkenaan bayaran yuran pengajian pelajar. Bayaran-bayaran yang telah pelajar jelaskan kepada USIM tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:
 - 6.3.1 Jika pelajar menarik diri sebelum berakhir minggu kedua semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
 - 6.3.2 Jika pelajar menarik diri di antara minggu ketiga hingga minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
 - 6.3.3 Jika pelajar menarik diri selepas berakhirnya minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), tiada sebarang pemulangan yuran pengajian akan dibuat.

BAHAGIAN C: PENDAFTARAN KURSUS DAN PENJADUALAN

7 PENDAFTARAN KURSUS

- 7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tersebut. Permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan perlu dibuat sekiranya mendaftar selepas tempoh tersebut. Kegagalan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.
- 7.2 Pendaftaran jumlah unit kursus pada setiap semester hendaklah tidak kurang daripada lima belas unit dan tidak melebihi 23 unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada 15 unit atau lebih daripada 23 unit hanya boleh dibuat dengan kebenaran dekan.
- 7.3 Pelajar boleh melakukan pertambahan kursus dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 7.4 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum unit kursus bagi sesuatu semester sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 7.6 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 14.5.5.
- 7.7 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah/tesis mereka dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan gred "TL" (Tidak Lengkap) sehinggalah genap 30 hari daripada hari terakhir peperiksaan akhir semester pada semester tersebut. Sekiranya pelajar masih gagal berbuat demikian, pelajar hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada Dekan untuk membawa gred "TL" (Tidak Lengkap) tersebut ke semester berikutnya (tanpa dikenakan caj yuran pengajian) dengan mengemukakan alasan yang munasabah sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah/tesis mereka mengikut Peraturan 7.1.

- 7.8 Sekiranya pelajar gagal memohon secara bertulis daripada Dekan atau sekiranya Dekan tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan, pelajar akan diberikan gred “F” untuk projek ilmiah/tesis mereka sebelum dibenarkan mendaftar semula kursus tersebut (dikenakan caj yuran pengajian) mengikut Peraturan 7.1.
- 7.9 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

8 PENJADUALAN

- 8.1 Pelajar dikehendaki mencetak jadual waktu kuliah/tutorial/makmal masing-masing melalui Portal e-Wadi pada tarikh yang ditetapkan.
- 8.2 Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/tutorial/makmal mengikut hari dan masa serta kumpulan yang telah ditetapkan dalam jadual waktu yang berkenaan.
- 8.3 Pelajar tidak dibenarkan bertukar kumpulan tanpa kebenaran Bahagian Pengajian Prasiswazah.

9 PENGULANGAN KURSUS

- 9.1 Pelajar yang gagal bagi mana-mana kursus diwajibkan mengulang kursus tersebut kecuali bagi kursus yang tidak memerlukan pelajar berbuat demikian.
- 9.2 Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred “C-” dan “D” sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambil kira sebagai gred akhir tanpa mengambil kira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

10 PENGECUALIAN KURSUS/PEMINDAHAN JAM KREDIT

- 10.1 Pelajar hanya akan diberikan pengecualian kursus/pemindahan jam kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya. Proses ini hanya dilakukan ketika pelajar berada di Semester I, Tahun 1.
- 10.2 Pelajar dibenarkan untuk mendaftar kursus-kursus lain bagi menggantikan kursus yang telah diberi pengecualian/pemindahan jam kredit untuk memastikan minimum kredit bagi setiap semester yang diambil mencukupi dan mengikut syarat program yang telah ditetapkan.

- 10.3 Pemberian pengecualian kursus/pemindahan jam kredit adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Fakulti.
- 10.4 Pelajar yang layak mendapat pengecualian kursus/pemindahan jam kredit, tetapi ingin mengambil kursus yang diberi pengecualian/pemindahan jam kredit tersebut boleh memohon untuk tidak dikecualikan dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan masing-masing.
- 10.5 Pengecualian kursus/pemindahan jam kredit yang diberikan hendaklah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kursus yang ditawarkan atau maksimum 40 jam kredit.
- 10.6 Gred minimum yang diperolehi bagi sesuatu kursus setara di peringkat program pengajian Diploma hendaklah sekurang-kurangnya Gred B dan sekurang-kurangnya Gred C di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

11 TEMPOH PENGAJIAN

- 11.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah berdasarkan kepada tempoh maksimum dan minimum yang ditetapkan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.
- 11.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum itu boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 11.3 Bagi pelajar yang diberikan pengecualian kursus/pemindahan jam kredit untuk beberapa kursus, tempoh minimum pengajian yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada baki jumlah bilangan jam kredit dan penawaran kursus oleh Fakulti.

12 PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 12.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Kelulusan penangguhan tersebut perlu dipanjangkan ke BPPS dan dimaklumkan ke Senat Universiti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pengamal perubatan selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pakar psikiatri yang memberi rawatan.
- 12.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada

tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

- 12.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 12.1 dan Peraturan 12.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
- 12.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke-10 sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 12.1 atau Peraturan 12.2.
- 12.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Ketua BPPS.
- 12.6 Bayaran yuran yang telah dijelaskan oleh pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:
 - 12.6.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain;
 - 12.6.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain; dan
 - 12.6.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): tiada sebarang pemulangan yuran.
- 12.7 Sekiranya pelajar belum menjelaskan yuran pengajian pada semester yang ditangguh pengajiannya, pelajar perlu menjelaskan yuran pengajiannya seperti berikut:
 - 12.7.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 25% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh;
 - 12.7.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester):

50% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh; dan

- 12.7.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): yuran perlu dibayar penuh.

12.8 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian

- 12.8.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 12.1, Peraturan 12.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 12.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
- 12.8.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 12.8.1 diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
- 12.8.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Walau bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan pada setiap semester.

13 PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI (*INDEPENDENT STUDIES*)

- 13.1 Pelajar yang berada dalam tahun terakhir pengajiannya boleh mengambil suatu kursus secara pensetaraan/pembelajaran sendiri (*independent studies*) sekiranya kursus tersebut tidak ditawarkan dalam suatu semester yang sedang diikuti, atau berlaku pertindihan jadual waktu sebenar kursus tersebut dengan kursus-kursus lain yang diambil oleh pelajar terbabit.
- 13.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan bagi tujuan ini kepada Fakulti. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kelulusan Dekan.

14 PENGGANTUNGAN PENGAJIAN

- 14.1 Pelajar boleh digantung pengajian sebagai salah satu hukuman tatatertib di atas suatu kesalahan tatatertib yang telah disabitkan oleh Universiti.

14.2 Tempoh penggantungan pengajian adalah ditetapkan oleh Universiti.

BAHAGIAN D: PEPERIKSAAN

15 STRUKTUR PENILAIAN

- 15.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 15.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester kecuali kursus-kursus yang tiada peperiksaan akhir.
- 15.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam Transkrip Akademik Rasmi.
- 15.4 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 – 100	4.00	Cemerlang
A-	75 – 79	3.75	Cemerlang
B+	70 – 74	3.50	Kepujian
B	65 – 69	3.00	Kepujian
B-	60 – 64	2.75	Memuaskan
C+	55 – 59	2.50	Memuaskan
C	50 – 54	2.00	Lulus
C-	45 – 49	1.75	Lulus
D	40 – 44	1.00	Lulus
F	0 – 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	-	-
TL	Tidak Lengkap	-	-
SM	Sedang Maju	-	-
U	Audit	-	-
TD	Tarik Diri	-	-
TG	Tanggung Pengajian	-	-
TP	Tanggung Peperiksaan	-	-
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	Dihalang	0.00	Gagal

- 15.5 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:
- 15.5.1 “L/G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 15.5.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah dengan kebenaran program pengajian berkenaan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- (a) Kredit bagi kursus tersebut tidak diambil kira bagi maksud purata nilai gred sehinggalah kursus itu diikuti dengan sempurna dan mendapat gred tertentu selepas mengikuti penilaian sewajarnya.
- (b) Sekiranya pelajar gagal melengkapkan kursus dengan memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan pelajar akan diberi taraf gagal bagi kursus tersebut.
- 15.5.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 15.5.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 15.5.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 15.5.6 “TG” (Tangguh Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

- 15.5.7 “TP” (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 15.5.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .
- 15.5.9 “X” (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

16 SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED

- 16.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan oleh Senat Universiti.
- 16.2 Kursus yang mendapat gred “F” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 16.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred “F” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 16.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

16.4.1 PNGS =

$$\frac{\text{Jumlah *nilai kredit yang diperolehi pada sesuatu semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semester yang sama}}$$

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH			15	41.25

PNGS = $41.25/15$
= **2.75**

16.4.2 PNGK =

Jumlah *nilai kredit yang diperolehi di semua semester
 Jumlah unit kredit yang terkumpul di semua semester

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH (A)			15	41.25

$$\text{PNGS} = 41.25/15$$

$$= 2.75$$

Contoh : Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Unit Kredit
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.50	3	10.50
AAA 1063	C+	2.50	3	7.50
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH (B)			15	45.00
JUMLAH BESAR (A+B)			30	86.25

$$\text{PNGK} = 86.25/30$$

$$= 2.88$$

17 KEHADIRAN PELAJAR

- 17.1 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah / tutorial / makmal / studio / Latihan Industri / Latihan Amali / Praktikum / Latihan Mengajar / klinikal / program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti yang ditetapkan dalam struktur penawaran program.
- 17.2 Kehadiran kuliah/makmal/tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar

tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

- 17.3 Pelajar diwajibkan untuk merekodkan kedatangan ke kuliah/tutorial/makmal melalui e-Hadir.
- 17.4 Pelajar yang berstatus mendaftar sahaja yang boleh mengakses sistem e-Hadir. Rekod pelajar yang berstatus tidak aktif tiada dalam sistem e-Hadir dan kehadiran mereka ke kuliah/tutorial/makmal tidak akan diambil kira di dalam sistem kehadiran.

18 TARIKH PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 18.1 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 18.2 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

19 JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 19.1 Jadual Peperiksaan Akhir Semester yang disediakan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah akan dipaparkan melalui e-Wadi dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan bermula.
- 19.2 Sebarang pertindihan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester perlu dilaporkan kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah.
- 19.3 Semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diwajibkan membuat penilaian e-Nilai sebelum mencetak Slip Jadual Peperiksaan Akhir Semester.

20 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 20.1 Slip keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Senat Universiti dipaparkan secara *online* melalui portal e-Wadi.
- 20.2 Slip keputusan Peperiksaan Akhir Semester akan dihantar ke Fakulti pada minggu pertama semester berikutnya.
- 20.3 Universiti berhak menahan slip keputusan peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

21 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN

- 21.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon Peperiksaan Gantian daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 21.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 21.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 12.1.
 - 21.3.1 Permohonan atas sebab-sebab lain kecuali atas sebab kelalaian dan kealpaan pelajar, boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.
 - 21.3.2 Bahagian Pengajian Prasiswazah boleh untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diluluskan oleh Dekan sekiranya bercanggah dengan Peraturan Penangguhan Peperiksaan ini.

22 PEPERIKSAAN GANTIAN

- 22.1 Peperiksaan Gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.
- 22.2 Pendaftaran kursus pada semester Peperiksaan Gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan Peperiksaan Gantian berkenaan diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 27.1, 27.2 dan 27.3.

23 PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS

- 23.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dengan syarat pelajar tersebut telah menduduki peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 23.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).

- 23.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

24 PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

- 24.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 24.2 Semua skrip hendaklah disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 24.3 Semua skrip jawapan peperiksaan tidak boleh dimusnahkan kecuali sekurang-kurangnya selepas tempoh tiga (3) bulan (tertakluk kepada keperluan Fakulti) seperti yang tersebut di dalam Peraturan 24.2.
- 24.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

25 RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

- 25.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah. Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 25.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 25.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 25.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.

- 25.5 Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya sebagai Pengerusi, Ketua Program pelajar yang berkenaan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan pemeriksa kedua yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 25.6 Berikutan dari semakan semula, markah/gred yang diambil kira ialah markah/gred yang diperolehi selepas semakan semula yang dibuat oleh pemeriksa kedua.
- 25.7 Sebarang perubahan markah/gred sama ada dikekalkan atau dipinda adalah tertakluk kepada perakuan Panel Pemeriksa dimana perakuan tersebut hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 25.8 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak akan dipertimbangkan.

26 RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

- 26.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 26.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 26.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua BPPS hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 26.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 26.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
- 26.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
- 26.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan

- 26.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan sama ada diterima atau ditolak.
- 26.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara di atas hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 26.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak akan dilayan.

27 SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 27.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.
- 27.2 Lulus Bersyarat:
- 27.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 hingga 1.99.
- 27.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 27.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 27.3 Gagal:
- 27.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 (termasuk pelajar Tahun 1, Semester I di mana PNGK sama dengan PNGS) atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 27.2.2 di atas.

(Perkara 26.2.2 dan 26.3.1 berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi Akademik 2010/2011)

BAHAGIAN E: PENGIJAZAHAN

28 STRUKTUR PENGIJAZAHAN

28.1 Jumlah Unit dan Komposisi Kursus

Untuk memperoleh ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus

minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam peraturan pengajian program yang diikuti meliputi komposisi seperti berikut:

28.1.1 Kursus Wajib Universiti (WU);

28.1.2 Kursus Wajib Fakulti (WF);

28.1.3 Kursus Wajib Program (WP); dan

28.1.4 Kursus Elektif Program (EP).

28.2 Penilaian untuk Mendapatkan Ijazah

28.2.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

(a) memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 16.1, 16.2 dan 16.3; dan

(b) memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

28.3 Pengurniaan Ijazah

28.3.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.70	- Pertama;
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas;
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah; dan
2.99	
2.00	- Ketiga.
2.33	

28.3.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat syarat berikut:

(a) memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;

(b) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;

- (c) memenuhi keperluan MUET yang ditetapkan oleh Universiti;
- (d) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (e) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

29 PENGURNIAAN AKADEMIK

29.1 Anugerah Dekan

29.1.1 Pelajar akan menerima Anugerah Dekan jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Mendapat PNGS 3.60 dan ke atas bagi semua program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang ditawarkan oleh USIM kecuali program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (b) Memperolehi Gred A dalam semua matapelajaran profesional yang diambil oleh pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.
- (c) Memperolehi gred A atau A- dalam matapelajaran/kursus teras perubatan iaitu Peperiksaan Profesional Pertama, Peperiksaan Profesional Kedua dan Peperiksaan Profesional Akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (d) Bilangan kursus dan jumlah kredit yang didaftarkan mestilah tidak kurang dari jumlah minimum kredit yang perlu didaftarkan pada setiap semester berdasarkan peraturan pengajian program sebagaimana yang telah ditetapkan.
- (e) Kursus yang didaftarkan berstatus kursus semasa (D) dan bukan kursus ulangan (R) atau Peperiksaan Ulangan Khas/Peperiksaan Gantian.
- (f) Semua kursus yang didaftarkan pada sesuatu semester adalah kursus yang diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK pelajar atau keputusan Peperiksaan Profesional pelajar bagi pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian. Sekiranya pelajar hanya mengambil Latihan Industri / Latihan Amali / Latihan Mengajar / Praktikum pada semester akhir pengajiannya, ia tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pemberian Anugerah Dekan.

- (g) Ia merupakan semester lazim dan bukan semester Khas atau tambahan semester bagi sesetengah pelajar yang tidak dapat menghabiskan kursus-kursus yang perlu diambil untuk tujuan pengijazahan seperti tambahan semester untuk memperbaiki gred, mengulang kursus atau menyiapkan projek Ilmiah.

29.2 Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan Hadiah Buku Universiti

29.2.1 Pelajar akan menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan/atau Hadiah Buku Universiti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum.

29.3 Hadiah Buku Fakulti

29.3.1 Pelajar akan menerima Hadiah Buku Fakulti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum

29.4 Hadiah Ko-Kurikulum

29.4.1 Pelajar akan menerima Hadiah Ko-Kurikulum jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK 3.00 dan ke atas tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred B bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgery, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan dalam bidang ko-kurikulum dengan markah yang tertinggi.

30 SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP DAN SKROL

- 30.1 Surat Pengesahan Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik Rasmi yang telah diperakukan oleh Senat Universiti dikeluarkan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah dan diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian.
- 30.2 Skrol akan diberikan kepada pelajar setelah Majlis Konvokesyen berlangsung.

31 UMUM

- 31.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuat kuasa Peraturan ini.
- 31.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.
- 31.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam peraturan pengajian program, maka Peraturan ini adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam peraturan pengajian program tersebut.
- 31.4 Semua pelajar adalah tertakluk secara umum kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan juga Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 atau pindaan yang telah dibuat ke atas kedua-duanya.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA, 2011)**

JADUAL PERTAMA

Di bawah Peraturan 16.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Pengajian Halaqah;
2. Muhadathah Hurrah; dan
3. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38 dan pindaan pada 6 April 2011 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-62, Bil. 2/2011)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA, 2011)**

JADUAL KEDUA

Di bawah Peraturan-peraturan 7.1, 23.3, 25.3 dan 26.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

Bil.	Urusan	Kadar Bayaran
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus
- 12.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.
- 12.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada Peraturan 12.1 dan Peraturan 12.2 boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.
- 12.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke-10 sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan Peraturan 12.1 atau Peraturan 12.2.
- 12.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Ketua BPPS.
- 12.6 Bayaran yuran yang telah dijelaskan oleh pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:
- 12.6.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain;
- 12.6.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran lain; dan

- 12.6.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): tiada sebarang pemulangan yuran.
- 12.7 Sekiranya pelajar belum menjelaskan yuran pengajian pada semester yang ditangguh pengajiannya, pelajar perlu menjelaskan yuran pengajiannya seperti berikut:
- 12.7.1 Penangguhan pengajian yang dimohon sebelum berakhir minggu ke-2 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 25% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh;
- 12.7.2 Penangguhan pengajian yang dimohon antara minggu ke-3 hingga ke-10 semester (dikira dari tarikh permulaan semester): 50% daripada yuran pengajian perlu dibayar dan yuran lain perlu dibayar penuh; dan
- 12.7.3 Penangguhan pengajian yang dimohon atas sebab kesihatan dengan pengesahan pegawai perubatan/doktor bertauliah selepas berakhirnya minggu ke-10 (dikira dari tarikh permulaan semester): yuran perlu dibayar penuh.
- 12.8 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian
- 12.8.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 12.1, Peraturan 12.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam Peraturan 12.4 tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
- 12.8.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam Peraturan 12.8.1 diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada Peraturan 11.
- 12.8.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Walau bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan pada setiap semester.

13 PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI (*INDEPENDENT STUDIES*)

- 13.1 Pelajar yang berada dalam tahun terakhir pengajiannya boleh mengambil suatu kursus secara pensetaraan/pembelajaran sendiri (*independent studies*) sekiranya kursus tersebut tidak ditawarkan dalam suatu semester yang sedang diikuti, atau berlaku pertindihan jadual waktu sebenar kursus tersebut dengan kursus-kursus lain yang diambil oleh pelajar terbabit.
- 13.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan bagi tujuan ini kepada Fakulti. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kelulusan Dekan.

14 PENGANTUNGAN PENGAJIAN

Pelajar yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib USIM boleh digantung pengajian bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN D: PEPERIKSAAN

15 STRUKTUR PENILAIAN

- 15.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 15.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada peratusan nisbah pemberat 70% - 30% daripada kerja kursus dan 30% - 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester kecuali kursus-kursus yang tiada peperiksaan akhir.
- 15.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam Transkrip Akademik Rasmi.
- 15.4 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 – 100	4.00	Cemerlang
A-	75 – 79	3.75	Cemerlang
B+	70 – 74	3.50	Kepujian
B	65 – 69	3.00	Kepujian
B-	60 – 64	2.75	Memuaskan
C+	55 – 59	2.50	Memuaskan
C	50 – 54	2.00	Lulus
C-	45 – 49	1.75	Lulus
D	40 – 44	1.00	Lulus
F	0 – 39	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	-	-
TL	Tidak Lengkap	-	-
SM	Sedang Maju	-	-
U	Audit	-	-
TD	Tarik Diri	-	-
TG	Tanggung Pengajian	-	-
TP	Tanggung Peperiksaan	-	-
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	Dihalang	0.00	Gagal

- 15.5 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 15.5.1 “L/G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 15.5.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah dengan kebenaran program pengajian berkenaan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- (a) Kredit bagi kursus tersebut tidak diambil kira bagi maksud purata nilai gred sehinggalah kursus itu diikuti dengan sempurna dan mendapat gred tertentu selepas mengikuti penilaian sewajarnya.
 - (b) Sekiranya pelajar gagal melengkapkan kursus dengan memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan pelajar akan diberi taraf gagal bagi kursus tersebut.
- 15.5.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 15.5.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 15.5.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 15.5.6 “TG” (Tanggung Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

- 15.5.7 “TP” (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 8.5.
- 15.5.8 “TH” (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut .
- 15.5.9 “X” (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.

16 SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED

- 16.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan oleh Senat Universiti.
- 16.2 Kursus yang mendapat gred “F” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 16.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred “F” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 16.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

16.4.1 PNGS =

$$\frac{\text{Jumlah *nilai kredit yang diperolehi pada sesuatu semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semester yang sama}}$$

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA1013	A	4.00	3	12.00
AAA1033	B+	3.50	3	10.50
AAA1053	A-	3.75	3	11.25
AAA1073	F	0.00	3	00.00
AAA1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH			15	41.25

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= 2.75 \end{aligned}$$

16.4.2 PNGK =

Jumlah *nilai kredit yang diperoleh di semua semester
Jumlah unit kredit yang terkumpul di semua semester

Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.50	3	10.50
AAA 1053	A-	3.75	3	11.25
AAA 1073	F	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.50	3	7.50
JUMLAH (A)			15	41.25

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= 2.75 \end{aligned}$$

Contoh : Semester II

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Unit Kredit
AAA1023	A	4.00	3	12.00
AAA1043	B+	3.50	3	10.50
AAA1063	C+	2.50	3	7.50
AAA1083	A	4.00	3	12.00
AAA1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH (B)			15	45.00
JUMLAH BESAR (A+B)			30	86.25

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= 2.88 \end{aligned}$$

17 KEHADIRAN PELAJAR

- 17.1 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah / tutorial / makmal / studio / Latihan Industri / Latihan Amali / Praktikum / Latihan Mengajar / klinikal / program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti yang ditetapkan dalam struktur penawaran program.
- 17.2 Kehadiran kuliah/makmal/tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester

setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.

17.3 Pelajar diwajibkan untuk merekodkan kedatangan ke kuliah/tutorial/makmal melalui e-Hadir.

17.4 Pelajar yang berstatus mendaftar sahaja yang boleh mengakses sistem e-Hadir. Rekod pelajar yang berstatus tidak aktif tiada dalam sistem e-Hadir dan kehadiran mereka ke kuliah/tutorial/makmal tidak akan diambil kira di dalam sistem kehadiran.

18 TARIKH PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

18.1 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti.

18.2 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

19 JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

19.1 Jadual Peperiksaan Akhir Semester yang disediakan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah akan dipaparkan melalui e-Wadi dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan bermula.

19.2 Sebarang pertindihan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester perlu dilaporkan kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah.

19.3 Semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diwajibkan membuat penilaian e-Nilai sebelum mencetak Slip Jadual Peperiksaan Akhir Semester.

20 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

20.1 Slip keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Senat Universiti dipaparkan secara *online* melalui portal e-Wadi.

20.2 Slip keputusan Peperiksaan Akhir Semester akan dihantar ke Fakulti pada minggu pertama semester berikutnya.

20.3 Universiti berhak menahan slip keputusan peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

21 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN

- 21.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon Peperiksaan Gantian daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 21.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 21.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam Peraturan 12.1.
 - 21.3.1 Permohonan atas sebab-sebab lain kecuali atas sebab kelalaian dan kealpaan pelajar, boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.
 - 21.3.2 BPPS boleh untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diluluskan oleh Dekan sekiranya bercanggah dengan Peraturan Penangguhan Peperiksaan ini.

22 PEPERIKSAAN GANTIAN

- 22.1 Peperiksaan Gantian hanya akan dibuat pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.
- 22.2 Pendaftaran kursus pada semester Peperiksaan Gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan Peperiksaan Gantian berkenaan diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 27.1, 27.2 dan 27.3.

23 PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS

- 23.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dengan syarat pelajar tersebut telah menduduki peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 23.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya "L" atau "G" (Lulus atau Gagal).

- 23.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

24 PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

- 24.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 24.2 Semua skrip hendaklah disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 24.3 Semua skrip jawapan peperiksaan tidak boleh dimusnahkan kecuali sekurang-kurangnya selepas tempoh tiga (3) bulan (tertakluk kepada keperluan Fakulti) seperti yang tersebut di dalam Peraturan 24.2.
- 24.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

25 RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

- 25.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah. Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 25.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 25.3 Sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 25.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua Bahagian Pengajian Prasiswazah hendaklah merujukkannya kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.

- 25.5 Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya sebagai Pengerusi, Ketua Program pelajar yang berkenaan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan pemeriksa kedua yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 25.6 Berikutan dari semakan semula, markah/gred yang diambil kira ialah markah/gred yang diperolehi selepas semakan semula yang dibuat oleh pemeriksa kedua.
- 25.7 Sebarang perubahan markah/gred sama ada dikekalkan atau dipinda adalah tertakluk kepada perakuan Panel Pemeriksa dimana perakuan tersebut hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 25.8 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak akan dipertimbangkan.

26 RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN

- 26.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 26.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPPS dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan sejumlah bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 26.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua BPPS hendaklah merujukkannya kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 26.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 26.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
- 26.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
- 26.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan

- 26.5.3 memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan sama ada diterima atau ditolak.
- 26.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara di atas hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 26.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak akan dilayan.

27 SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 27.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.
- 27.2 Lulus Bersyarat:
- 27.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 hingga 1.99.
- 27.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 27.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.
- 27.3 Gagal:
- 27.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 (termasuk pelajar Tahun 1, Semester I di mana PNGK sama dengan PNGS) atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 27.2.2 di atas.

(Perkara 27.2.2 dan 27.3.1 berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi Akademik 2010/2011)

BAHAGIAN E: PENGIJAZAHAN

28 STRUKTUR PENGIJAZAHAN

28.1 Jumlah Unit dan Komposisi Kursus

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam peraturan pengajian program yang diikuti meliputi komposisi seperti berikut:

28.1.1 Kursus Wajib Universiti (WU); sebanyak 25 unit/jam kredit.

28.1.2 Kursus Wajib Fakulti (WF); sebanyak 27 unit/jam kredit.

28.1.3 Kursus Wajib Program (WP); sebanyak 48 unit/jam kredit., dan

28.1.4 Kursus Elektif Program (EP) sebanyak 35 unit/jam kredit.

28.2 Penilaian untuk Mendapatkan Ijazah

28.2.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

(a) memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 16.1, 16.2 dan 16.3; dan

(b) memperolehi sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

28.3 Pengurniaan Ijazah

28.3.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.70	- Pertama;
4.00	
3.00	- Kedua Bahagian Atas;
3.69	
2.34	- Kedua Bahagian Bawah; dan
2.99	
2.00	- Ketiga.
2.33	

28.3.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (c) memenuhi keperluan MUET yang ditetapkan oleh Universiti;
- (d) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (e) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

29 PENGURNIAAN AKADEMIK

29.1 Anugerah Dekan

29.1.1 Pelajar akan menerima Anugerah Dekan jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Mendapat PNGS 3.60 dan ke atas bagi semua program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang ditawarkan oleh USIM kecuali program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (b) Memperolehi Gred A dalam semua matapelajaran profesional yang diambil oleh pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.
- (c) Memperolehi gred A atau A- dalam matapelajaran/kursus teras perubatan iaitu Peperiksaan Profesional Pertama, Peperiksaan Profesional Kedua dan Peperiksaan Profesional Akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (d) Bilangan kursus dan jumlah kredit yang didaftarkan mestilah tidak kurang dari jumlah minimum kredit yang perlu didaftarkan pada setiap semester berdasarkan peraturan pengajian program sebagaimana yang telah ditetapkan.
- (e) Kursus yang didaftarkan berstatus kursus semasa (D) dan bukan kursus ulangan (R) atau Peperiksaan Ulangan Khas/Peperiksaan Gantian.

- (f) Semua kursus yang didaftarkan pada sesuatu semester adalah kursus yang diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK pelajar atau keputusan Peperiksaan Profesional pelajar bagi pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian. Sekiranya pelajar hanya mengambil Latihan Industri / Latihan Amali / Latihan Mengajar / Praktikum pada semester akhir pengajiannya, ia tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pemberian Anugerah Dekan.
- (g) Ia merupakan semester lazim dan bukan semester Khas atau tambahan semester bagi sesetengah pelajar yang tidak dapat menghabiskan kursus-kursus yang perlu diambil untuk tujuan pengijazahan seperti tambahan semester untuk memperbaiki gred, mengulang kursus atau menyiapkan projek Ilmiah.

29.2 Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan Hadiah Buku Universiti

29.2.1 Pelajar akan menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan/atau Hadiah Buku Universiti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum.

29.3 Hadiah Buku Fakulti

29.3.1 Pelajar akan menerima Hadiah Buku Fakulti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK dalam kelompok sepuluh (10) teratas dalam universiti tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau

- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred A bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum

29.4 Hadiah Ko-Kurikulum

29.4.1 Pelajar akan menerima Hadiah Ko-Kurikulum jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK 3.00 dan ke atas tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama; atau
- (b) Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred B bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;
- (c) Pencapaian MUET/Setara yang baik; dan
- (d) Penglibatan dalam bidang ko-kurikulum dengan markah yang tertinggi.

30 SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP DAN SKROL

30.1 Surat Pengesahan Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik Rasmi yang telah diperakukan oleh Senat Universiti dikeluarkan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah dan diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian.

30.2 Skrol akan diberikan kepada pelajar setelah Majlis Konvokesyen berlangsung.

31 UMUM

31.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat Universiti dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuat kuasa Peraturan ini.

31.2 Senat Universiti mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.

- 31.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam peraturan pengajian program, maka Peraturan ini adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam peraturan pengajian program tersebut.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA, 2011)**

JADUAL PERTAMA

Di bawah Peraturan 16.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus/kursus-kursus yang berikut sebagai tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

1. Pengajian Halaqah;
2. Muhadathah Hurrah; dan
3. Ko-Kurikulum.

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38 dan pindaan pada 6 April 2011 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-62, Bil. 2/2011)

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007
(PINDAAN PERTAMA, 2011)**

JADUAL KEDUA

Di bawah Peraturan-peraturan 7.1, 23.3, 25.3 dan 26.2, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

Bil.	Urusan	Kadar Bayaran
1.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
2.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
3.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
4.	Lewat Mendaftar	RM25.00
5.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus
6.	Pertukaran Program Pengajian (kali pertama) Pertukaran Program Pengajian (kali kedua dan seterusnya)	RM100.00 RM200.00/pertukaran

Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-38) dan pindaan pada 23 Jun 2010 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-57, Bil. 3/2010)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

SINOPSIS KURSUS DAN RUJUKAN

UTT1012 TAMADUN ISLAM DAN ASIA

Kursus ini membincangkan tentang sains dan aspek utama dalam pengajian ketamadunan di dalam proses pembangunan tamadun Malaysia yang merangkumi konsep asas tamadun, ciri-ciri tamadun, jatuh bangun sesuatu tamadun dan interaksi manusia. Bahagian pertama kursus ini menerangkan tentang konsep tamadun Islam, pandangan dunia, ciri-ciri dan perkembangannya. Bahagian kedua pula memfokuskan kepada tamadun Melayu, India dan Cina. Setiap tamadun mempunyai ciri-ciri unik tersendiri seperti lokasi geografi, budaya dan masyarakat, pandangan dunia dan sumbangan setiap tamadun di dalam pembangunan budaya manusia dan tamadun. Kursus ini juga membolehkan pelajar membuat analisis terhadap isu-isu tamadun manusia contohnya moral, etika di dalam politik, ekonomi dan pembangunan sains dan teknologi. Kursus ini juga menganalisa cabaran dan prospek masa hadapan tamadun pelbagai budaya.

Rujukan:

Zulkifli Mohamad, Nasruddin Yunos dll. (ed). (2006). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tamadun Islam dan Tamadun Melayu. (2006). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Buku Teks Kursus TITAS untuk IPTA. (2001). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mukadimah Ibn Khaldun. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, S.M. Naquib. (1972). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.* Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Quigley, Carroll. (1961). *The Evolution of Civilizations.* New York: Macmillan Company.

Beg, Muhammad Abdul Jabar. (1980). *Islamic and Western Concepts of Civilization.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

UTE1062 HUBUNGAN ETNIK

Kursus ini membincangkan tentang konsep asas hubungan etnik, masyarakat dan budaya. Topik perbincangan akan meneliti proses pembangunan politik, sosio-budaya dan ekonomi, di samping hubungannya dengan hubungan etnik di Malaysia, yang mana bermatlamat untuk memberi kesedaran berhubung falsafah negara bangsa berlandaskan masyarakat Malaysia yang kaya dengan kaum, latarbelakang dan agama. Ia juga perlu untuk memahami cabaran dan isu berkaitan hubungan etnik di Malaysia yang unik. Kursus ini juga akan memberi kesedaran dan kefahaman kepada pelajar tentang sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak dalam mewujudkan hubungan etnik yang harmoni dalam mencapai objektif konsep 1Malaysia.

Rujukan:

Shamsul Amri Baharuddin (ed.). (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Mansor Mohd Noor. (2007). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Petaling Jaya: Printice Hall.

Intan (1991). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur; Institut Tadbiran Awam Negara

Jayum A. Jawan (2002). *Politics and Government in Malaysia*. Shah Alam; Karisma Publications

Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. (1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

Paimah Atoma et.al (2008). Modul Pengajian Hubungan Etnik di Malaysia. Paimah Atoma et.al (2008). Module Studies Ethnic Relations in Malaysia. Johor Bahru: Cetak Ratu Sdn Bhd. Johor Bahru: Cetak Ratu Sdn Bhd.

MGA1023 PRINSIP PENGURUSAN PERNIAGAAN

Perniagaan dan keusahawanan adalah komponen utama di dalam Muamalat yang dikategorikan sebagai fard kifayah. Umat Islam digalakkan untuk mengumpul harta kekayaan melalui aktiviti-aktiviti perniagaan yang dibenarkan. Oleh yang demikian, mereka perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka membabitkan diri di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dan memperoleh kejayaan sebagai usahawan Muslim. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang kepentingan perniagaan dan faktor-faktor kejayaan sesuatu perniagaan. Pelajar akan didedahkan kepada objektif perniagaan, struktur dan persekitaran perniagaan sedia ada, fungsi pengurusan seperti merancang, mengurus, melaksanakan dan mengawal semua aspek pengurusan perniagaan (pengeluaran, operasi, pemasaran, sumber manusia dan teknologi maklumat). Kursus ini akan dikendalikan melalui kuliah, tutorial, tugas berkumpulan dan pembentangan.

Rujukan:

Nuradli et al. 2008. Introduction to Muamalat: The Malaysian Pespective. Pearson

Ferrel, Hirt & Ferrel. 2009. Business: A Changing World. McGraw-Hill.

Syed Ghazali Wafa et. al. 2005. Pengantar Perniagaan Islam. Prentice Hall.

Nik Mohamed Affandi. 2002. Islam & Business. Pelanduk.

Madura, Jeff. 2007. Introduction to Business. Thomson. Mason.

ADA2012 AKIDAH ISLAM

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah Islam mengikut keterangan Quran dan Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras untuk memahami dan mengamalkan cara hidup Muslim. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan af'āl) konsep kenabian, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian, sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

Rujukan :

Abdul Ghaniy °Abud. 1976. Al-°Aqidah al-Islamiyah wa al-idiulujiyat al-mu°asirah, t.tp. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.

Al-Tahawiy Abu Ja°far Ahmad , t.th., Sharh al-°aqidah al-Tahawiyah, t.tp. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.

Ahmad 'Izzuddin al-Bayanuniy. 1990 M. al-Kufr wa al-mukaffirat, t.tp.: Dar al-Salam.

Muhammad Abdullah Darraz. 1970. Al-Din: buhuth mumahhidah li dirasat tarikh al-adyan, Bayrut : Dar al-Kutub.

Sabir Tu°aymah, 1398H/1978M. al-°aqidah wa al-fitrah fi al-Islam, Bayrut : Dar al-Jayl.

ADT2012 AKHLAK DAN TASAWWUF

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran umum akhlak Islamiah serta tasawwuf dengan memberikan penekanan khusus kepada peranan kedua-duanya dalam proses pembangunan sakhsiiyyah muslim setulinnya. Pembicaraannya meliputi konsep nilai dan sumber akhlak Islamiah serta kepentingannya dalam kehidupan insan, konsep dan sumber tasawwuf sebagai aspek kerohanian yang sah dalam Islam, hubungan di antara akhlak Islamiah dan tasawwuf, proses pembersihan diri (tazkiyyat al-nafs) yang meliputi pembicaraan sekitar al-fada'il dan al-radha'il dan pengenalan kepada al-maqamat dan al-ahwal.

Rujukan:

Abd al-Baqi Surur. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah.

Al-Sarraj, Abu Nasr al-Tusi. 1960. Al-Lumac. Sunt. Abd al-Halim Mahmud dan Taha.

Al-Taftazaniy, Abu al-Wafa'. 1976. Madkhal ila al-tasawwuf al-Islami. Qahirah: Daral-Thaqafah.

Hawwa, Sacid. 1988. Al-Mustakhlis fi tazkiyah al-anfus. Misr: Dar al-Salam.

Yaljin, Miqdad. 1973. *al-Ittihad al-akhlaq fi al-Islam: dirasah muqaranah*. Misr: Maktabat al-Khanjiy

UTK2012 PEMIKIRAN KREATIF DAN PENYELESAIAN MASALAH

Sebagai satu keperluan kemahiran insaniah di dalam dunia penuh cabaran masa kini, berfikir adalah salah satu seni yang perlu dipelajari walaupun kebanyakan individu percaya bahawa berfikir adalah proses semulajadi yang diamalkan oleh setiap manusia. Ia adalah kemahiran penting kerana pelbagai perkara yang dilakukan di dunia ini adalah dipengaruhi oleh pemikiran kita. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada proses berfikir secara saintifik dan mengajar mereka teknik-teknik yang boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Rujukan:

Badi, Jamal & Mustapha Tajdin (2006). *Creative Thinking: An Islamic Perspective*. 2nd Edition. Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Research Center.

Buzan, Tony (2009). *The Mind Map Book*. London, U.K.: BBC Active Book.

De Bono, Edward (1999). *Six Thinking Hats*. London, U.K.: Penguin Books.

Porter, Burton F. (2002). *Fundamentals of Critical Thinking*. Oxford, U.K.: Oxford University Press.

Ruggiero, Vincent Ryan (2009). *The Art of Thinking: A Guide to Critical and Creative Thought*. 9th Edition. New York, NY, U.S.A.: Pearson & Longman.

Waller, Bruce N. (1998). *Critical Thinking; Consider the Verdict*. 3rd Edition. Upper Saddle River, NJ, U.S.A.: Prentice Hall.

LBA1012 FIQH IBADAT DAN MUNAKAHAT

Kursus ini merupakan pengantar kepada pengajian Fiqh dalam dua bahagian iaitu ibadat dan Munakahat. Bahagian ibadat menyentuh ibadat umum dan ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan dengan ibadat-ibadat tersebut. Manakala bahagian munakahat pula menyentuh pertunangan, perkahwinan, mas kahwin, perceraian, fasakh, khulu', illa', zihar, kesan perkahwinan seperti nafkah dan hadanah, rujuk dan perkara-perkara yang berkaitan. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat Mazhab Syafie.

Rujukan:

al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958M. Mughni al-Muhtaj. Misr: al-Halabi.

al-Sharbini al-Khatib. t.th. al-Iqna': Misr: Dar al-Fikr.

al-Shaykh Khalid ibn Abdullah al-Shuqfah. 1409H/1989M. Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah `ala Mazhab al-Shafi'i, Misr: Dar al-Salam Sharif.

Mustafa al-Khin (Dr.) Mustafa al-Bugha (Dr.) & Ali al-Shurbaji. 1407H/1987M al-Fiqh al-Manhaji `ala madhhab al-Imam al-Shafi'i, Damsyiq: Dar al-Qalam

al-Sayyid Sabiq, 1403H/1983M. Fiqh al-Sunnah. Beirut: Dar al-Fikr.

UBE1012 BAHASA INGGERIS I

This course aims to provide students with appropriate foundation skills in the English language. It focuses on the two skills of listening and speaking with a strong emphasis on basic grammar and vocabulary building. Although the teaching-learning activities are aimed at developing students' sub skills of listening and speaking, the course also covers a wide range of topics to develop mastery of vocabulary and grammatical structures. Course delivery is through small group tutorials and students are assessed on their oral presentations, group projects and listening tests. Students will be able to integrate grammar skills and vocabulary in the listening and speaking tasks upon completion of the course.

Primary Text:

UBE 1012 Listening & Speaking 2007 Module, Prepared by English Unit, USIM.

Rujukan:

Eunice Tan (Producer) (2000). *Pua Chu Kang [Sitcom]*, Malaysia: Wawasan Videovan Sdn. Bhd.

"Mercy Like the Rain" Nasheed, performed by SHAAM. Retrieved December 29, 2007, from <http://youtube.com/watch?v=z88iwN78eKU&feature=related>

"Nasheed Compilation". Retrieved December 29, 2007, from <http://www.nasheeds.com>
Walcyn-Jones, P. (2000) *Fun Class Activities Book 2: Games and Activities for Teachers*.

Pearson Education Ltd: England.

Wyatt, R. (2002) *First Certificate Games and Activities*. Penguin Books

UBE 1022 BAHASA INGGERIS 2

The course aims at reinforcing the skills attained in English I through interactive reading exercises and practice, and grammar review in context. These skills are further extended to include also the development of writing skills, which introduces the students to the general principles of effective writing and the writing process. It also provides practice in logical thinking, organization of ideas and patterns of organization.

Rujukan:

Treciak, J and S E Mackay.(1997). *Study Skills for Academic Writing*. Prentice-Hall. Leki, I. (1990). *Academic Writing: Exploring Processes and Strategies*. Cambridge University Press.

Raimes, A. (1998). *Exploring Through Writing*. Cambridge University Press.

Bates, L. (1998). *Transitons: An Interactive Reading, Writing and Grammar Text*. Cambridge University Press.

UBA1032 BAHASA ARAB I

Kursus ini merupakan kursus asas bahasa Arab yang memfokuskan kemahiran mendengar dan bertutur untuk memenuhi keperluan dan penggunaan bahasa di peringkat universiti. Kemahiran mendengar mendedahkan pelajar dengan pelbagai teknik pendengaran yang digunapakai dalam memahami pelbagai teks audio bahasa Arab, sementara kemahiran bertutur pula memberi tumpuan kepada teknik dan gaya pertuturan yang betul dalam situasi yang berlainan. Teknik-teknik tersebut diterapkan melalui pelbagai aktiviti bahasa untuk meningkatkan kemahiran insaniah yang meliputi penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan kerja berpasukan. Penilaian formatif dan sumatif digunakan untuk mengukur penguasaan pelajar dalam kursus ini.

Rujukan:

Arabic Language Text Book (UBA 1032)

Al-'Arabiyyah al-Jami'iyyah li Ghayr al-Mutakhosisiin, Abduh al-Raajihi, Beirut : Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1st Edition, 2006.

al-Lughah al-'Arabiyyah wa Maharatuha fi al-Mustawaa al-Jami'ei li Ghayr an-Natiqiina Biha, Mohamed Ridzuan ad-Daayah & Mohamed Jihad Jamal.Emirates : Dar al-Kitab al-Jami'ie, 1st Edition 2004,

al-Syamil fi Tadrriis al-Lughah al-'Arabiyyah, 'ali an-Nu"aimiy, Amman : Dar 'Usamah, 1st Edition, 2004.

Maharaat al-Ittisol fii al-Lughah al-'Arabiyyah, Mohamed Jihad Jamal & Samar Ruuhi al-Faisol, Emirate : Dar al-Kitab al-Jami'ie, 3rd Edition 2009.

Ta'liim al;Arabiyyah li-Ghayr al-Natiqin Biha, Rushdi Ahmad Tu'aymah.

UBA1042 BAHASA ARAB II

Kursus ini merupakan kursus asas bahasa Arab yang memfokuskan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi keperluan dan penggunaan bahasa di peringkat universiti. Kemahiran membaca mendedahkan pelajar dengan teknik yang digunapakai dalam memahami pelbagai teks bahasa Arab, sementara kemahiran menulis pula memberi tumpuan kepada teknik asas dan gaya penulisan bahasa Arab secara betul. Teknik-teknik

tersebut diterapkan melalui pelbagai aktiviti bahasa untuk meningkatkan kemahiran insaniah yang meliputi penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan kerja berpasukan. Penilaian formatif dan sumatif digunakan untuk mengukur penguasaan pelajar dalam kursus ini.

Rujukan:

1. Arabic Language Text Book (UBA 1042)]
2. Al-'Arabiyyah al-Jami'iyah li Ghaiyr al-Mutakhosisiin, Abduh al-Raajih, Beirut : Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1st Edition, 2006.
3. Al-Kitabah al-Waziifah, Abdel Qader Syariif Abu Syariifah, Amman : Maktabah al-Falah, 1st Edition, 1994.
4. al-Lughah al-'Arabiyyah wa Maharatuha fi al-Mustawaa al-Jami'ei li Ghaiyr an-Natiqiina Biha, Mohamed Ridzuan ad-Daayah & Mohamed Jihad Jamal.Emirates : Dar al-Kitab al-Jami'ie, 1st Edition 2004,
5. al-Syamil fi Tadriis al-Lughah al-'Arabiyyah, 'ali an-Nu"aimiy, Amman : Dar 'Usamah, 1st Edition, 2004.

KO-KURIKULUM KOMPONEN BADAN BERUNIFOM

CBAI016 SUKARELAWAN SISWA POLIS DIRAJA MALAYSIA (SUKSIS)

Kursus ini mengambil masa selama enam (6) semester dengan tempoh latihan minimum sebulan adalah sebanyak 16 jam dan maksimum 48 jam. Kursus ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu latihan akademik dan latihan luar. Latihan akademik meliputi undang-undang, bina diri dan kenegaraan manakala latihan luar terdiri daripada kawad, senjata, pertolongan cemas, khidmat masyarakat, rentas halangan, lawatan dan ujian/penilaian.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Polis DiRaja Malaysia.

CBA1023 PERTAHANAN AWAM

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada organisasi pertahanan awam, fungsi dan tugasnya semasa aman dan ketika kecemasan. Pelajar akan didedahkan kepada asas-asas pertolongan cemas, kaedah-kaedah menangani kebakaran, penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

CBA1033 PERSATUAN BULAN SABIT MERAH (PBSM)

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar asas-asas pertolongan cemas dan kemahiran yang berkaitan dengannya termasuklah menangani kebakaran serta

penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki. Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

KOMPONEN KEBUDAYAAN

CCA1052 TEATER

Kursus ini dititikmulakan dengan sesi suaikenal di mana pelatih akan diuji daya ingatan mereka melalui mengenali nama dan beberapa perkara terhadap rakan-rakan mereka. Secara total, meningkatkan daya ingatan para pelatih akan mengenali keseluruhan rakan sebaya hanya dengan memakan masa selama setengah jam. Latihan kejiwaan pula membawa pelatih merasa sensitif kepada diri sendiri dan peka kepada orang lain. Jawapan keseluruhan dalam latihan teater ini, kejayaan pelatih adalah apabila pelatih menjadi seorang yang berdisiplin, kurang bercakap kosong dan mempunyai fokus yang tinggi. Matlamat kursus ini ialah untuk menghasilkan mahasiswa yang mahir dalam bidang Seni Teater dan bersedia memperkembangkan ilmu seni yang diperolehi kepada masyarakat dan dapat membantu membina pembentukan jatidiri dan sahsiah mahasiswa serta boleh dijadikan sebagai kerjaya sampingan.

Rujukan

Brockett, O.A. 1977. History of the Theatre. Boston : Allyn and Bacon.

Hagen, Uta. 1978. Respect for Acting. New York : Mac Milan.

Tengku Syed Kadir & Zan Rosdy. 1963. Sejarah Seni Drama. Singapore : Pustaka Melayu.

Kaltger, John Merie. 1986. Actor On Acting. London : Sterling Publishing.

White, E. Acting Movement. New York : Art Book Inc.

Kalter, John Merie. 1986. Actor On Acting. London : Sterling Publishing.

CCA1062 SILAT

Kursus ini memberi pengetahuan tentang seni silat dari aspek sejarah, kategori seni silat, langkah tari dan sebagainya. Kursus ini juga memberi penekanan aspek penguasaan asas-asas pergerakan bela diri yang meliputi latihan mental-spiritual, semangat dan kepimpinan dalam pasukan. Kesenambungan kursus ini meliputi asas-asas pergerakan, teknik serangan seperti tumbukan dan sepakan yang digunakan dalam pertandingan silat olahraga. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang seni silat khususnya silat olahraga dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran diri dan kumpulan.

Rujukan:

Buku panduan “Teknik dan Peraturan Pencak Silat” dari Persilat Antarabangsa. Abd. Manan Embung. 1984. Keris. Kuala Lumpur.

Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya.1983. Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: MacMillan Publisher.

CCA1072 KOIR

Kursus ini mewajibkan pelajar melibatkan diri dengan aspek kemahiran nyanyian 2, 3 dan 4 suara: soprano, alto, tenor dan bes daripada lagu-lagu pelbagai stail dan tekstur iaitu monofonik, homofonik dan polifonik. Kursus ini juga akan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai teknik-teknik dalam nyanyian berkumpulan, masalah-masalah nyanyian dan cara mengatasinya. Kursus ini memberi tumpuan kepada posture, pernafasan, sebutan, registration dan penghasilan tone. Teknik asas conducting turut didedahkan sebagai asas menjadi seorang pemimpin koir. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang nyanyian dalam berkumpulan ensemble vocal.

Rujukan

Cadwell, J. Timothy (1995). Expresive Singing : Dalcroze Eurhythmic for voice.

Englewood Cliff. New Jersey : Prentice Hall Inc.

Christy, Van (1998). Foundation In Singing : A Basic Textbook In Vocal Yechnique And Song Interpretention. Sixth Edition. New York “ McGraw-Hill ,Inc.

Combs, Ronald (1995). Learning To sing Non Classical Music : Eaglewood Cliff. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Garreston, Robert (1993). Choral Music – History, Style & Performance Practice. New Jersey : Prentice Hall Inc.

CCA1082 KOMPANG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan kompang yang merangkumi pukulan dan lagu secara berkumpulan. Dalam konteks persembahan, kebiasaannya kumpulan kompang terdiri daripada tiga kumpulan mengikut peranan masing-masing. Kumpulan pertama terdiri daripada beberapa orang pemain yang akan bertindak sebagai “Pelalu” untuk memainkan pola paluan yang khusus serta spesifik secara seragam iaitu sebagai pukulan dasar. Kumpulan kedua pula bertindak sebagai “Peningkah” yang lazimnya terdiri daripada seorang sahaja ketua dalam permainan tersebut. Kumpulan ketiga akan bertindak sebagai “Pelanak” yang memainkan rentak hias sebagai unsur pelengkap kepada keseluruhan pola paluan yang terjalin di dalamnya.

Kursus ini juga mengaplikasikan teori dan amali yang dipelajari dalam pengurusan aktiviti dan khidmat sosial setempat.

Rujukan:

Mohd Hassan Abdullah. 2002. Idiosyncratic Aspects of Malaysia music : The roles of the Kompang in Malay Society, : Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia.

Nik Mustapha Nik Mohd Salleh. Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia. edited by Mohd Ghazali Abdullah. (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Mohd Ghouse Nasuruiddin. 1992. The Malay Traditional Music. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KOMPONEN SUKAN

CDA1102 GOLF

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar kemahiran dan teknik permainan golf sebagai salah satu aktiviti waktu senggang. Pelajar akan turut didedahkan kepada kaedah fisiologi senaman, pemakanan seimbang, penjagaan peralatan dan etika sebagai seorang pemain golf.

Rujukan

Chuck Hogan. 1998. Five Days to Golfing Excellence. Perigee Trade.

Greg Norman, Claude Harmaon. 1996. Advanced Golf. Tuttle Publishing.

Robin McMillan. 1994. 365 One-Minute Golf Lessons: Quick and Easy Stroke-Saving Tips and Exercises. HarperResource.

Susan Greene, Nancy Bundorf. 1997. The ABC's of Golf. Excel Publishing.

Toam Doak, Ben Crenshaw. 1999. The Anatomy of a Golf Course: The Art of Golf Architecture. Burford Books.

CDA1112 RENANG DAN PENYELAMAT

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar asas-asas kemahiran dan teknik berenang yang betul termasuklah membina keyakinan diri, apungan, kuak dada (breast stroke), menjejak air, kuak rangkak (front crawl/free style), menyelam, plunge in, asas pertolongan cemas dan kemahiran-kemahiran lain yang bersesuaian. Kursus ini juga bertujuan memberi pendedahan kemahiran menyelamat kelemasan di mana pengetahuan, kemahiran dan keupayaan fizikal pelajar akan diuji. Pelajar akan didedahkan kepada kemahiran renang

menyelamat dan kaedah menyelamat yang berkesan, selain diperlukan untuk menunjukkan kemahiran menyelamat mengikut sukatan yang ditentukan. Kemahiran yang didedahkan termasuklah penilaian situasi kecemasan, pemulihan pernafasan, daya tahan dan kepantasan di air, menyelamat dengan menghulur pakaian dan mencampak tali, tunda silang dada dan dengan alat bantuan, tundaan dagu dan berenang di bawah permukaan air.

Rujukan

